

**(Majlis Mesyuarat disambung
semula pada pukul 2.30 petang)**

Yang Berhormat Yang Di-Pertua:

بِسْمِ اللَّهِ الرَّحْمَنِ الرَّحِيمِ السَّلَامُ عَلَيْكُمْ وَرَحْمَةُ اللَّهِ وَبَرَكَاتُهُ

Ahli-Ahli Yang Berhormat, pada sebelah pagi tadi persidangan masih lagi membincangkan dan membahaskan Perkara VI Rang Undang-Undang (2021) Perbekalan, 2021/2022 yang telah pun dicadangkan oleh Yang Berhormat Menteri di Jabatan Perdana Menteri dan Menteri Kewangan dan Ekonomi II. Maka, bagi membolehkan kita berbincang dan meneliti tajuk-tajuk rang belanjawan yang berkenaan seterusnya, saya tangguhkan Persidangan Majlis Mesyuarat Negara ini untuk kita bersidang semula di Peringkat Jawatankuasa sepenuhnya.

(Majlis Mesyuarat ditangguhkan)

**(Majlis bersidang sebagai
Jawatankuasa)**

Yang Berhormat Pengerusi:

بِسْمِ اللَّهِ الرَّحْمَنِ الرَّحِيمِ

Ahli-Ahli Yang Berhormat majlis sekarang bersidang di Peringkat Jawatankuasa sepenuhnya bagi meneliti dan menimbangkan Rang Undang-Undang (2021) Perbekalan, 2021/2022 satu per satu. Mesyuarat Jawatankuasa yang kita adakan pada sebelah pagi tadi, kita telah mula membahaskan dan meneliti tajuk-tajuk di bawah Kementerian Pembangunan. Saya difahamkan bahawa Yang Berhormat Menteri di Jabatan Perdana Menteri dan Menteri Kewangan dan Ekonomi II ingin membuat kenyataan mengenai salah satu soalan yang dikemukakan pada sesi

perbahasan pagi tadi. Saya persilakan Yang Berhormat sebelum kita meneruskan perbincangan kita seterusnya, silakan Yang Berhormat.

Yang Berhormat Menteri Kewangan

dan Ekonomi II: Terima kasih Yang Berhormat Pengerusi. Mengenai soalan yang diajukan oleh Yang Berhormat Awang Haji Mohimin bin Haji Johari @ Jahari mengenai Pantai Tungku. Memang tapak Pantai Tungku sebelum ini dimiliki oleh *BIA* sepertimana yang disampaikan oleh Yang Berhormat Menteri Pembangunan. Pada masa ini sudah dipindah milik kepada *Darussalam Asset*. Sebelum ini memang *Darussalam Asset* adakan memajukan Pantai Tungku ini dengan sebuah *FDI* tetapi hasil dari perbincangan ini tidak diteruskan.

Walau bagaimanapun, *Darussalam Asset* akan juga terus memajukan tapak ini dengan beberapa potensi *FDI* ataupun jika sekiranya tidak ada hasil yang positif mungkin akan berunding dengan pihak kementerian ataupun agensi-agensi yang berkenaan mencari jalan untuk memajukannya. Apa pun kalau dimajukan oleh *Darussalam Asset*, apa yang penting mesti dilihat dari segi keselamatan dan juga kekotoran dan supaya tapak itu tidak disalah guna oleh orang ramai seperti yang pernah terjadi beberapa tahun yang lalu. Itulah mungkin yang dapat kaola sampaikan, memang tapak itu dikhaskan kerana tapak itu adalah satu kawasan strategik dan ada peluang untuk dimajukan terutama dari segi *tourism* dan sebagainya. Itu sahaja yang dapat kaola

kongsikan mengenai perkara ini, terima kasih Yang Berhormat Pengerusi.

Yang Berhormat Pengerusi: Ini Pantai Berakas?

Yang Berhormat Menteri Kewangan dan Ekonomi II: Pantai Tungku, terima kasih yang Berhormat Pengerusi.

Yang Berhormat Pengerusi: Terima kasih. Bersama saya masih ada lagi senarai yang tertunggu-tunggu untuk ikut serta dalam perbincangan ini. Saya persilakan sekarang Yang Berhormat Awang Ong Tiong Oh.

Yang Berhormat Awang Ong Tiong Oh: Terima kasih Yang Berhormat Pengerusi, salam sejahtera dan selamat petang. Kaola membawa di bawah Tajuk SK06A - Jabatan Tanah. Yang Berhormat Pengerusi dan Ahli-Ahli Yang Berhormat. Kaola dengan segala hormat ingin menyuarakan beberapa perkara yang berhubung kait dengan isu yang menjadi kebimbangan kepada masyarakat yang melibatkan proses permohonan tukar milik harta tanah. Kita telah menyaksikan terdapat banyak kemajuan dan pembangunan tanah di Negara Brunei Darussalam, kemajuan ini telah memberi peluang kepada warganegara untuk melabur dalam negeri dan pada masa yang sama ia sedikit sebanyak telah membantu dalam memajukan ekonomi negara dari segi keluaran dalam negeri kasar.

Menurut statistik pada tahun 2020, jumlah permohonan tukar milik harta tanah di negara ini telah melebihi 20,000

bidang tanah dan sekali gus menambah peningkatan kutipan hasil kerajaan. Namun, sejak 3 tahun kebelakangan ini terdapat beberapa permohonan tukar milik harta tanah yang dihadapkan telah ditolak tanpa sebarang penjelasan dan ada juga permohonan yang dapat kebenaran namun mengambil masa yang agak lama. Kelayakan permohonan pindah milik harta tanah telah melibatkan warganegara kita dengan sebilangan permohonan ini telah membeli tanah-tanah yang dimajukan dengan rumah dan ada juga melibatkan pemindahan milik harta tanah untuk diwariskan kepada pewaris mereka. Bagi pemohon-pemohon ini, masa adalah penting, oleh itu mereka berharap agar proses pindah milik harta tanah ini supaya berjalan dengan lancar dan cepat, terutama sekali bagi pemohon yang lanjut usia, lanjut usia. Terdapat jua sebilangan pemohon tersebut mempunyai pinjaman kewangan dari bank-bank. Oleh itu, jika terdapat sebarang kelewatan dalam penerimaan jawapan atau keputusan telah sedikit sebanyak membangkitkan kebimbangan. Tambahan lagi sebilangan pemohon ini juga pembeli rumah buat pertama kali.

Yang Berhormat Pengerusi dan Ahli-Ahli Yang Berhormat, dalam proses pindah milik harta tanah juga memerlukan 2 pihak iaitu pemindah milik dan penerima milik untuk hadir ke Jabatan Tanah semasa sesi penandatanganan, pindah milik. Jika pemindah milik atau penerima milik tersebut meninggal dunia perkara ini akan menimbulkan isu tuntutan milik dari segi undang-undang dan secara tidak langsung jua

akan menjejaskan pemohon-pemohon tersebut.

Kita di negara ini amat bersyukur atas keprihatinan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam yang telah mengecualikan cukai-cukai estet akan tetapi perkara yang kaola suarakan tersebut perlu diatasi oleh pihak yang berkenaan.

Akhir kata kaola bercadang agar urus tadbir di jabatan berkenaan akan dapat memberikan ketelusan terhadap permohonan-permohonan tersebut kerana ketelusan adalah salah satu tonggak utama yang sangat penting dalam memberikan informasi yang lebih terperinci bagi mengelakkan daripada kesalahfahaman. Sekian terima kasih Yang Berhormat Pengerusi.

Yang Berhormat Menteri Pembangunan: Terima kasih Yang Berhormat Pengerusi. Soalan Yang Berhormat, iaitu isu-isu tanah, bagi menjawab soalan yang dibangkitkan tadi bahawa proses pertukaran milik harta tanah yang mendapat dukacita tanpa penjelasan dan masa mendapat kebenaran agak lama. Untuk makluman sejak 2017, Kementerian Pembangunan telah pun memproses sejumlah lebih daripada 7,400 permohonan tukar milik tanah dan pada tahun 2020 saja sejumlah 2,269 permohonan telah diproses. Dari bulan Januari tahun ini hingga Mac sejumlah 510 permohonan diproses. Bagi mana-mana ketetapan permohonan sama ada yang ia diluluskan ataupun dukacita Jabatan Tanah akan

memaklumkan dengan segera keputusan permohonan melalui *sms* tanpa penjelasan.

Walau bagaimanapun, seperti lazimnya makluman keputusan permohonan yang dukacita tidak menghalang untuk pemohon mendapatkan penjelasan dari Jabatan Tanah memandangkan penelitian permohonan itu berdasarkan beberapa kriteria dalam dasar tanah dan bagi mengelakkan kesalahfahaman pemohon. Dalam penelitian setiap permohonan pindah milik tanah tertakluk kepada dasar yang diguna pakai pada masa ini seperti keluasan yang akan diterima, syarat khas tanah, sekatan-sekatan yang dikenakan kepada tanah, lokasi tanah dan jumlah keseluruhan tanah yang dimiliki oleh pemindah dan bakal penerima milik secara individu. Mana-mana penelitian ini sangat perlu diteliti secara terperinci terutama sekali bagi rayuan-rayuan pemohon dan ia akan mengambil sedikit tempoh masa yang agak lama.

بِسْمِ اللَّهِ proses bagi mendapat ketetapan permohonan pindah milik masa kini telah pun dipercepatkan. Tahun lepas mengambil masa 370 hari dan pada masa ini ia mengambil masa 66 hari sahaja dengan adanya penambahbaikan kepada prosedur-prosedur pendaftaran harta tanah seperti pengawalan penjelasan cukai setem dan mendatangi *Memorandum of Transfer (MOT)* iaitu salah satu kemestian sebelum proses lain diteruskan.

Pihak kementerian ingin menjelaskan bahawa bagi permohonan untuk memindah milik kedua-dua pihak iaitu pemberi milik atau penjual dan penerima milik ataupun pembeli akan dikehendaki untuk mendatangi memorandum pindah milik (*Memorandum Of Transfer*) di hadapan Pegawai Tanah. Tiada sebarang isu tuntutan hak milik, jika salah satu pihak sama ada pemindah milik ataupun penerima milik meninggal dunia selagi memorandum pindah milik telah ditandatangani oleh kedua-dua pihak semasa jangka hayat. Proses ini adalah selaras Bab 23 dari Akta Kanun Tanah Penggal 40.

Kementerian Pembangunan mengambil maklum mengenai kebimbangan yang disuarakan oleh Yang Berhormat dan usaha-usaha bagi mempertingkatkan pemberian informasi telus kepada pemohon-pemohon **إِنْ شَاءَ اللهُ** akan diteruskan dan untuk makluman sebahagian butir pendaftaran tanah yang terpapar dalam geran tanah boleh dijadikan panduan asas kepada pembeli, pemberi ataupun penjual dan penerima ataupun pembeli sebelum sebarang urusan niaga dimeterai. Pihak kementerian melalui Jabatan Tanah akan sentiasa memberi bantuan dalam memberi nasihat sebelum sebarang urusan niaga hal ehwal tanah dilaksanakan oleh pemohon. Sekian saja.

Yang Berhormat Pengerusi: Saya persilakan Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Putera Maharaja Dato Paduka Awang Haji Abdul Ghani bin Pehin Datu Pekerma Dewa Dato Paduka Awang Haji Abdul Rahim.

Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Putera Maharaja Dato Paduka Awang Haji Abdul Ghani bin Pehin Datu Pekerma Dewa Dato Paduka Awang Haji Abdul Rahim:

بِسْمِ اللَّهِ الرَّحْمَنِ الرَّحِيمِ Yang Berhormat Pengerusi, terima kasih atas peluang yang diberikan kepada kaola dan kaola mengucapkan juga tahniah dan terima kasih atas pembentangan dan mukadimah Rang Perbelanjaan oleh Yang Berhormat Menteri Pembangunan.

Mungkin soalan kaola ada kaitan dengan 2 soalan yang sebelum ini iaitu mengenai tanah di bawah Tajuk SK06A-Jabatan Tanah. Fokus kaola agak lain sedikit daripada 2 teman kaola itu. Kaola hanya akan memfokus kepada syarat tanah. Seperti yang kitani maklumi sejauh ini sejak sekian lama dalam geran tanah kitani sama ada tanah dibeli atau tanah waris daripada ayah dan ibu kitani dulu ada dicatatkan berbagai-bagai syarat.

Kaola ingin sentuh ialah 2 syarat rasanya kurang relevan lagi iaitu tanah ini hendaklah ditanam dengan tanaman padi dan satu ditanam dengan pohon getah. Banyak macam, orang kampung pun pada hemat kaola sama 2 syarat itu. Isunya ialah bila kitani hendak memecah tanah itu keperluan yang 'dipadahkan' oleh jabatan yang berkenaan supaya ditukar dulu syarat itu kerana 'usulnya' tapi tidak 'dipadahkan' benar-benar yang syarat itu membolehkan kitani menjalankan perniagaan dan sebagainya, dinasihatkan menukar syarat tanah, masalahnya proses menukar syarat itu pun lama juga, contoh yang kaola alami sendiri kami

adik-beradik 10 tahun belum lagi ke mana-mana kerana halangan-halangan pentadbiran dan sebagainya.

Kaola cadangkan jika dapat masalah syarat-syarat tanah ini ataupun pengurusan pemecahan tanah ini direviu lagi semula bagi memudahkan rakyat supaya dapat menguruskan pemecahan tanah dorang ani jangan sampai dari satu generasi ke satu generasi belum juga selesai. Di kawasan tertentu di Daerah Temburong ini sampai 30 tahun, 50 tahun yang belum berpecah kerana halangan ialah Jabatan Tanah memerlukan kebenaran daripada tuan punya yang sebelah menyebalah tanah ini untuk sekiranya dibuat jalan untuk dilalui di sana tapi untuk men*trace* atau mencari waris-warisnya memang tidak ada, yang ada meninggal sudah, ada generasi kedua dan seterusnya.

Atulah kaola cadangkan kalau dapat dibantu rakyat ini menyenangkan sedikit prosesnya. Kaola memahami untuk menukar *term of title* memerlukan pindaan-pindaan kepada peraturan-peraturan tertentu dan kaola rasa demi kebajikan rakyat bolehlah kitani cuba melihat ke arah itu.

Zon Industri di Pekan Bangar, kaola bercakap mengenai Pekan Bangar hanya sampai ke 1 kilometer dari Pekan Bangar, kaola cadangkan luaskantah sampai ke Pos Kawalan Imigresen, *the whole of that stretch* daripada Pekan Bangar sampai ke sempadan Pos Kawalan Pentadbiran Imigresen kerana hanya penambahan lagi sekitar 1 kilometer jika diluaskan, lebih banyak peluang orang-orang untuk memajukan tanah-tanah mereka bagi

keperluan industri atau apa-apa perusahaan yang bersesuaian kerana ia daya tarikan pelancongan juga pada masa ini. Itu sahaja Yang Berhormat Pengerusi kaola harap dapat difikirkan demi membantu rakyat kalau kitani membantu rakyat *إِنْ شَاءَ اللَّهُ* negara akan bertambah maju dan makmur.

Sekian,

وبالله التوفيق والهداية. وَ السَّلَامُ عَلَيْكُمْ وَرَحْمَةُ اللَّهِ وَبَرَكَاتُهُ

Yang Berhormat Menteri Pembangunan: Terima kasih Yang Berhormat. Ada 2 soalan mengenai isu tanah dan juga zon industri di Dearah Temburong.

Mengenai syarat tanah memang diakui pada masa ini orang yang hendak membangun rumah perlu dilihat syaratnya, jika syaratnya padi dan pokok getah memang tidak sesuai dan haruslah dipohonkan untuk ditukar syarat dan mengenai syarat-syarat ini *some areas* atau kawasan-kawasan *urban* memanglah tidak sesuai lagi syarat-syarat ini untuk pada masa ini tidak relevan lagi.

Perkara ini telah ditunduki oleh *management* pengurusan Kementerian Pembangunan dan juga kementerian-kementerian yang terlibat untuk melihat supaya syarat-syarat ini sesuai dengan zon-zon yang telah dikenal pasti oleh Jabatan Perancang Bandar dan Desa sekiranya zon itu kawasan bandar dan *semi-urban* untuk membolehkan orang itu dicepatkan membuat rumah mungkin tidak perlu lagi memohon dengan secara automatik ia boleh bertukar syarat

kepada perumahan dan ia boleh memecah dan seterusnya membuat urusan-urusan di komersial ataupun perniagaan. **إِنْ شَاءَ اللَّهُ** perkara ini akan dikaji dan akan diusahakan untuk memberi peluang atau mempercepatkan proses-proses *especially* orang yang memohon pemecahan tanah dan juga untuk perumahan.

Mengenai industri Daerah Temburong juga ada satu kajian supaya zon-zon yang pada masa ini akan dilihat dan diperbesarkan. Dengan terbinanya Jambatan Sultan Haji Omar Ali Saifuddin, Daerah Temburong telah mungkin satu daripada kawasan yang boleh diperkembangkan untuk meningkatkan ekonominya, **إِنْ شَاءَ اللَّهُ** perkara ini akan ditunduki dengan Jawatankuasa Autoriti Kemajuan Temburong. Itu sahaja Yang Berhormat Pengerusi. Terima kasih.

Yang Berhormat Pengerusi: Saya persilakan Yang Berhormat Awang Haji Abdul Hamid @ Sabli bin Haji Arshad.

Yang Berhormat Awang Haji Abdul Hamid @ Sabli bin Haji Arshad: Terima kasih Yang Berhormat Pengerusi.

بِسْمِ اللَّهِ الرَّحْمَنِ الرَّحِيمِ السَّلَامُ عَلَيْكُمْ وَرَحْمَةُ اللَّهِ وَبَرَكَاتُهُ
 Dalam kesempatan ini kaola ingin membawa satu perkara sahaja iaitu mengenai kedudukan tanah *strata title*.

1. Pada masa ini banyak menjadi bualan orang ramai mengenai status *strata title* dan memohon pencerahan lebih lanjut mengenainya. Kemudian, adakah *apartment* atau kondominium

yang dibangun atas *strata title* ini dibenarkan pembeli dari luar negara?;

2. Jika dibenarkan adakah persyaratan harga minimum jualan yang dikenakan dan jumlah maksimum unit dalam 1 bangunan *apartment* atau kondominium.; dan
3. Berapakah had tempoh *lease* maksimum yang dibenarkan kerana yang difahamkan ketika ini ada *developer* yang memberikan *lease* sehingga 99 tahun.

Terima kasih Yang Berhormat Pengerusi.

Yang Berhormat Menteri Pembangunan: Terima kasih Yang Berhormat mengenai soalan *strata title*. Untuk makluman Akta Kanun Tanah *Strata* Penggal 189 telah pun diluluskan pada 1 Julai 2009. Ia digubal untuk membolehkan sesiapa sahaja yang berkeinginan untuk memiliki harta tanah berupa unit-unit dalam bangunan di negara ini.

Tujuan akta ini diperkenalkan untuk membukakan pasaran hartanah, hartanah yang berupa unit-unit dalam bangunan termasuk rumah pangsa, bangunan perniagaan dan sebagainya bagi syarat khas tanah yang dibenarkan pemilikan secara *strata*. Ia membolehkan pemilik lot tanah memecah bahagian bangunan yang mempunyai lebih daripada 2 unit utama sama ada ia menegak ataupun ia mendatar. Ia dijangka boleh menjana perkembangan ekonomi negara dengan

menggalakkan pertumbuhan industri pembangunan serta menarik minat pelabur dalam dan luar negara dalam sektor hartanah.

Mengenai geran tanah tadi, ia akan dikeluarkan kepada pemilik secara pajakan selama 99 tahun bagi geran tanah asal yang berpegangan kekal. Manakala bagi geran tanah asal yang berpegangan secara pajakan, tempoh geran hak milik strata hendaklah tidak lebih daripada 1 hari kurang dari tempoh pajakan tanah dan bagi tempoh pajakan hendaklah tidak kurang daripada 20 tahun.

Geran tanah ini boleh dijadikan jaminan pinjaman kewangan *collateral* seperti yang dibenarkan di bawah Bab 23 Kanun Tanah dan dalam melaksanakan Akta Kanun Tanah Penggal 189, Kebawah Duli Yang Maha Mulia telah juga memperkenalkan supaya ejen-ejen penaksir dan ejen-ejen harta tanah yang berdaftar di negara ini untuk menjadi *managing* ejen bagi setiap *strata* dan mengawal selia pengurusan Perintah Penilai dan Ejen Harta Tanah 2009 yang telah pun dikuatkuasakan pada Januari 2017. Penghuni-penghuni *strata* akan bertanggungjawab melantik *management strata cooperation* melalui syarikat pengurusan yang dilantik oleh *strata cooperation* yang ditubuhkan mengikut undang-undang dan pada masa ini terdapat 138 unit strata telah didaftarkan di Jabatan Tanah.

Mengenai pemilikan unit *strata* bagi warga asing, perkara ini masih dalam penelitian Jawatankuasa Hak Milik *Strata*

untuk memproses dan mengawal selia harga jual beli *strata* untuk memelihara kesejahteraan rakyat tempatan mungkin satu mekanisme pengawalan pembelian perlu diadakan bagi pemindahan hak milik hartanah daripada warganegara asing dengan membuat kajian terperinci mungkin *probably* untuk mengenalkan satu hari nanti cukai harta tanah ataupun *property tax* di negara kitani. Atu sahaja barangkali Yang Berhormat Pengerusi.

Yang Berhormat Pengerusi: Saya persilakan Yang Berhormat Awang Haji Abdul Wahab bin Apong.

Yang Berhormat Awang Haji Abdul Wahab bin Apong: Terima kasih. Yang Berhormat Pengerusi. Koala akan menyentuh di bawah Tajuk SK03A - Jabatan Kerja Raya. Perkara ini kaola timbulkan atas permintaan khususnya penduduk kawasan Zon 1, Daerah Tutong dan sekitarnya. Perkara ini telah pun dibangkitkan oleh wakil daerah yang lalu, iaitu Jalan Tutong menuju Kampung Sengkurong, Bandar Seri Begawan yang sebahagiannya **لِلَّهِ الْحَمْدُ** telah pun dinaik taraf dan dibuat bahu jalan.

Kaola mencadangkan selebihnya memandangkan peruntukan yang terhad supaya dapat dilaksanakan bertahap-tahap atau berperingkat-peringkat setiap tahun sehingga keseluruhan jalan yang kaola sebutkan dapat dinaik taraf dan pembinaan bahu jalan keseluruhannya.

Yang kedua, kaola menyentuh di bawah Tajuk SK06A - Jabatan Tanah. Dilihat kebanyakan kemajuan bagi menjana

ekonomi negara atas tanah persendirian dimajukan oleh warga asing atau usahawan dengan kerjasama dengan warga tempatan. Soalan kaola, apakah Kementerian Pembangunan mempunyai dasar pemudah cara yang benar-benar memudah cara bagi kemajuan-kemajuan ini dibuat di tanah kerajaan dengan dasar yang telus dan proses dalaman yang cepat? Apa yang kaola dapat tahu yang proses sebelum ini memakan masa yang lama dan setentunya melambatkan pendapatan kerajaan melalui sewa, pajakan-pajakan atau kaedah yang sedia ada.

Sekian, terima kasih.

Yang Berhormat Menteri Pembangunan: Terima kasih Yang Berhormat. Mengenai perancangan pembesaran Jalan Tutong dan seterusnya, pihak Jabatan Kerja Raya akan membuat penelitian lanjut mengenai cadangan ini dan sentiasa memantau keadaan-keadaan jalan, bukan sahaja di kawasan berkenaan, juga tempat-tempat yang difikirkan perlu demi memastikan keselamatan dan keselesaan pengguna-pengguna jalan raya khasnya penduduk di kawasan berkenaan.

Mengenai dengan dasar pemilikan tanah persendirian yang *didevelop* masa ini, memang menjadi satu agenda di Kementerian Pembangunan untuk memantau dan *make sure* supaya semua proses ini mengikut tatacara dan peraturan-peraturan yang telah pun diadakan. Umpamanya, apabila seseorang *developer* memohon

memajukan tanah-tanah persendirian, perlulah mendapatkan kebenaran dari Jabatan Perancang Bandar dan Desa, *ABCi*, melantik *qualified person* dan *developer* yang berdaftar di Kementerian Pembangunan. **إِنْ شَاءَ اللَّهُ** apa jua pemudah cara untuk melancarkan proses-proses ini akan diteliti semula oleh Kementerian Pembangunan.

Sekian, terima kasih.

Yang Berhormat Pengerusi: Saya persilakan Yang Berhormat Awang Haji Tahamit bin Haji Nudin.

Yang Berhormat Awang Haji Tahamit bin Haji Nudin: Terima kasih Yang Berhormat Pengerusi. Kaola ada membawakan satu sahaja iaitu tempat rehat khusus dekat lebuhraya. Disebabkan keadaan lebuhraya yang panjang dan sunyi terutama sekali pada waktu malam, boleh menyebabkan pemandu lelah dan mengantuk. Ini adalah bahaya kerana ia boleh menyebabkan kemalangan. Lebuhraya juga jalan yang digunakan oleh pemandu yang pulang dari bekerja, melawat tempat tertentu dan kenderaan dari negara jiran.

Oleh itu, kaola mencadangkan agar dibina kawasan rehat dan ia termasuklah gerai makanan, surau, tandas, *ATM* dan pusat maklumat. Ia bukan sahaja memberikan peluang pekerjaan kepada rakyat tempatan tetapi mampu menjamin keselamatan pengguna jalan raya yang berkenaan.

Sekian, terima kasih Yang Berhormat Pengerusi.

Yang Berhormat Menteri Pembangunan: Terima kasih Yang Berhormat. Mengenai *requirement* untuk menyediakan tempat rehat di lebuh raya, pihak Kementerian Pembangunan akan meneliti perkara ini dan *rest area* atau tempat berehat di kawasan lebuh raya terutama sekali Lebuh Raya Muara dan Belait. Dalam satu rancangan pihak Kementerian Pembangunan untuk dilaksanakan bahawa beberapa tempat telah pun dicadangkan dengan konsep penggunaan tanah kerajaan dan penglibatan swasta bagi penyediaan fasiliti-fasiliti yang telah pun dicadangkan.

Sekian, terima kasih Yang Berhormat Pengerusi.

Yang Berhormat Pengerusi: Saya persilakan Yang Berhormat Awang Haji Umarali bin Esung.

Yang Berhormat Awang Haji Umarali bin Esung: Terima kasih Yang Berhormat Pengerusi.

بِسْمِ اللَّهِ الرَّحْمَنِ الرَّحِيمِ السَّلَامُ عَلَيْكُمْ وَرَحْمَةُ اللَّهِ وَبَرَكَاتُهُ
Kaola, membawa di bawah Tajuk SK01A - Kementerian Pembangunan. Kaola menyentuh berkenaan dengan keselamatan pengguna-pengguna jalan raya di Negara Brunei Darussalam termasuklah jalan raya di kawasan kampung. Sepertimana yang kitani ketahui, bahawa ada beberapa kawasan tepi jalan raya ditumbuhi pokok-pokok kayu sama ada ditanam oleh pihak yang berkenaan atau tumbuh dengan

sendirinya. Kadang-kadang berlaku kejadian pokok-pokok tumbang apabila berlaku ribut, hujan lebat dan sebagainya. Soalan kaola, apakah ada agensi-agensi berkenaan ditubuhkan khusus untuk memantau dan mengurus terutama sekali mengawal pokok-pokok kayu yang berisiko di tepi-tepi jalan bagi memastikan keselamatan pengguna jalan raya sentiasa diutamakan?

Soalan kaola kedua, adakah Kementerian Pembangunan sudah menyediakan garis panduan rancangan landskap di Negara Brunei Darussalam yang antaranya menggariskan tentang:

1. Kepentingan mengekalkan pokok-pokok yang sedia ada.;
2. Merancang penanaman pokok-pokok dan landskap yang sesuai mengikut kawasan.;
3. Keperluan menyediakan daun-daun hijau di kawasan bandar, bangunan dan di jalan raya.

Sekian,
وبالله التوفيق والهداية. وَ السَّلَامُ عَلَيْكُمْ وَرَحْمَةُ اللَّهِ وَبَرَكَاتُهُ

Yang Berhormat Menteri Pembangunan: Terima kasih Yang Berhormat Pengerusi dan Yang Berhormat mengenai dua soalan tersebut. Pertama, Kementerian Pembangunan melalui Jabatan Alam Sekitar, Taman dan Rekreasi dan Jabatan Jalan Raya yang bertanggungjawab bagi melaksanakan pemeliharaan atau *maintenance* pokok-pokok di tepi jalan. Jabatan Alam Sekitar, Taman dan Rekreasi dan Jabatan Jalan Raya sentiasa

bekerjasama dalam menangani mengenal pasti pokok-pokok yang berpotensi yang membahayakan lalu lintas dan orang ramai dengan menjalankan pencantasan dan pemotongan pokok terutama sekali di kawasan-kawasan yang berdekatan jalan raya. Perkara ini dipantau dan sentiasa dilaksanakan bagi keselamatan pengguna-pengguna jalan raya.

Mengenai soalan kedua, Kementerian Pembangunan melalui Jabatan Alam Sekitar, Taman dan Rekreasi juga mengambil maklum akan kepentingan pokok-pokok untuk dijaga dengan baik, terutama sekali untuk penghijauan dan kecantikan. Akan tetapi, pokok-pokok ini perlu dijaga dengan melaksanakan pencantasan untuk mengelakkan perkara-perkara yang tidak diinginkan berlaku seperti waktu hujan lebat dan angin kencang. Pihak Jabatan Alam Sekitar dan Taman Rekreasi ada menyediakan garis panduan untuk penanaman pokok-pokok *ornamental* terutama di kawasan-kawasan jalan raya, bangunan dan sebagainya dengan mengambil kira kesesuaian dan keperluannya mengikut garis panduan amalan negara-negara lain. Manakala penyediaan zon-zon hijau kawasan bandar, bangunan dan taman riadah adalah dititikberatkan bagi mengimbangi pembangunan yang ada sekarang. Itu saja kali. Terima kasih, Yang Berhormat Pengerusi.

Yang Berhormat Pengerusi: Saya persilakan, Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Pendikar Alam Dato Paduka Seri

Awang Haji Hasrin bin Dato Paduka Haji Sabtu.

Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Pendikar Alam Dato Paduka Seri Awang Haji Hasrin bin Dato Paduka Haji Sabtu: Terima kasih, Yang Berhormat Pengerusi. بِسْمِ اللَّهِ الرَّحْمَنِ الرَّحِيمِ

Yang Berhormat Pengerusi, kaola ingin menyentuh mengenai tunggakan kutipan hasil dari Skim Perumahan Negara. Soalan kaola:

1. Berapakah jumlah keseluruhan baki tunggakan kutipan hasil bagi Skim Perumahan Negara yang terkini?; dan
2. Apakah usaha-usaha baharu yang telah dilaksanakan oleh Kementerian Pembangunan dalam menangani isu ini?

Sekian,
وبالله التوفيق والهداية. وَ السَّلَامُ عَلَيْكُمْ وَرَحْمَةُ اللَّهِ وَبَرَكَاتُهُ

Yang Berhormat Menteri Pembangunan: Terima kasih, Yang Berhormat. Mengenai dua soalan iaitu tunggakan bagi pembayaran balik pinjaman perumahan. Pada masa ini mengikut perangkaan yang tercatat di Jabatan Kemajuan Perumahan, adalah sebanyak \$63 juta dan setakat ini usaha untuk dilaksanakan bagi mempertingkatkan keberkesanan kutipan hasil dan juga untuk mengurangkan tunggakan seperti memperkenalkan mekanisme peringatan tentang status pembayaran dan tunggakan yang perlu dilunaskan oleh pemilik rumah melalui *push letters*

ataupun surat makluman yang diberikan kepada pemilik rumah dan juga salinan kepada penjamin secara konsisten dan berterusan setiap tiga bulan.

بِسْمِ اللَّهِ perkara ini telah pun menampakkan hasil di mana:

1. Sebahagian pemilik-pemilik rumah telah hadir ke Jabatan Kemajuan Perumahan untuk berunding dan juga membuat pembayaran;
2. Menerusi pemetongan gaji daripada penjamin; dan
3. Sebagai langkah memudahkan dan mempertingkatkan lagi mutu perkhidmatan bagi mengendalikan hal ehwal pembayaran ke arah yang lebih sistematik dan teratur, pihak Jabatan Kemajuan Perumahan dengan kerjasama pihak Jabatan Perbendaharaan, Kementerian Kewangan dan Ekonomi telah menyediakan sistem *One Common Billing System (OCBS)* selain pembayaran yang lazimnya dilakukan di kaunter.

Itu sahaja barangkali, Yang Berhormat Pengerusi.

Yang Berhormat Pengerusi: Yang Berhormat Dayang Nik Hafimi binti Abdul Haadii.

Yang Berhormat Dayang Nik Hafimi binti Abdul Haadii: Terima kasih, Yang Berhormat Pengerusi.

Lebih dahulu ucapan syabas kepada warga Kementerian Pembangunan dalam usaha peningkatan perkhidmatan yang lebih mudah dilanjutkan melalui teknologi atas talian dan juga usaha mereka untuk meningkatkan ketelusan dalam proses. Saya membawa di bawah Tajuk SK01A, Kod Akaun 200/000 - Perancangan dan Pengurusan Polisi.

Dalam usaha untuk memberikan pembangunan yang seimbang terutama di kawasan-kawasan sektor swasta digalakkan untuk menyokong sektor pembinaan, saya menarik perhatian kepada beberapa perkara:

1. Sejauh mana kelulusan perancangan dan persetujuan induk melibatkan atau mengambil *feedback* daripada penduduk dan pemilik tanah di kawasan berhampiran? Cadangannya adalah Untuk: Menetapkan tatacara atau sistem untuk mendapatkan maklum balas daripada jiran atau penduduk terdekat di sekitar, sebarang cadangan pembangunan yang akan memberi kesan kepada kawasan atau bangunan mereka yang terdekat.

Pada masa yang sama juga, pemaju tanah yang menggunakan tanah persendirian atau *PPP* model dengan kerajaan boleh digalakkan untuk menyumbang hasrat negara untuk *inclusion* iaitu sebahagian daripada pembangunan yang dimajukan itu termasuk juga harga perumahan yang sederhana; dan

2. Sampai manakah pelaksanaan untuk memperkukuhkan *Smart Building or Sustainable Design or Development Guidelines* diterapkan ketika permohonan pembangunan dilakukan? Masyarakat telah menunjukkan adaptasi untuk mengubah cara bekerja atau belajar secara *blended work from home* atau *study from home* yang bukan hanya kerana situasi *COVID-19*, tetapi sebagai langkah menuju *digital based activity*. Persekitaran dan infrastruktur tempat kerja yang boleh meningkatkan sokongan for *home office* atau *communal work spaces* perlu dipertimbangkan.

Sebagai contoh, *Community Based Work Hubs* yang terletak di Pusat Komuniti Perkampungan untuk *plug-in model* melalui *secured communications methods* untuk menjalankan tugas masing-masing. Infrastruktur pusat pembelajaran atau *remote learning centres* sekiranya terdapat masalah pergerakan untuk pergi ke sekolah, tetapi masih membolehkan pelajar atau peserta masuk ke dalam kelas secara *virtual*.

Diharap kementerian boleh mengambil pertimbangan dengan cadangan-cadangan tersebut. Terima kasih, Yang Berhormat Pengerusi.

Yang Berhormat Menteri Pembangunan: Terima kasih, Yang Berhormat dengan beberapa saranan atau cadangan mengenai perkembangan ataupun pembangunan di negara kitani.

Dalam memastikan dasar dan strategi perancangan yang inklusif, salah satu proses yang dibuat dalam penyediaan pelan pembangunan adalah mengenalkan beberapa peringkat penglibatan awam. Itu satu perkara yang penting kerana ia bertujuan mengenal pasti isu-isu di peringkat awal membincangkan perkara-perkara berkenaan mengikut sektor dan seterusnya mendapatkan maklumat ataupun *input* serta maklum balas bagi cadangan apa-apa jua konsep kemajuan tempat berkenaan.

Antara pihak yang dilibatkan dalam proses ini adalah agensi-agensi kerajaan, pihak swasta serta pihak awam secara amnya dan penduduk kampung khususnya sekiranya pelan tersebut melibatkan kawasan setempat di peringkat kampung ataupun di peringkat mukim. Di samping itu, beberapa program pemberitaan juga diadakan dari semasa ke semasa bagi memastikan perancangan pelan tersebut masih relevan dalam konteks kemajuan semasa.

Soalan kedua mengenai *something to do with smart buildings*, perkara ini menjadi satu garis panduan atau dasar yang akan dilaksanakan di bawah Kementerian Pembangunan iaitu dalam *Smart MOD* dan akan dibincangkan di bawah Jawatankuasa *Smart City* yang dipengerusikan bersama oleh Yang Berhormat Menteri Pengangkutan dan Infokomunikasi. Itu saja, Yang Berhormat Pengerusi.

Yang Berhormat Pengerusi: Saya persilakan, Yang Berhormat Dayang Khairunnisa binti Haji Ash'ari.

Yang Berhormat Dayang Khairunnisa binti Haji Ash'ari: Terima kasih, Yang Berhormat Pengerusi. Kaola merujuk di bawah Tajuk SK01A.

Kaola mengambil baik inisiatif Kementerian Pembangunan dalam melaksanakan Dasar Kebangsaan Perubahan Iklim Negara Brunei Darussalam dan 'Protokol Hijau'. Ini adalah contoh baik yang dapat dicontohi iaitu proses membuat dasar yang melibatkan penyertaan pelbagai agensi kerajaan, pihak swasta dan badan bukan kerajaan termasuklah golongan belia.

Kaola ingin menekankan pelaksanaan, penguatkuasaan dan pemantauan adalah sangat penting kerana ia melibatkan fungsi kementerian-kementerian yang berlainan. Sebagai contoh dalam memastikan kita dapat mencapai sasaran bagi pengurusan sampah terutama sekali kitar semula, ianya memerlukan garis panduan yang nyata. Sebagai contoh, denda yang tinggi bagi ketidakpatuhan terhadap piawaian.

Kedua, keluhan orang ramai ialah mengenai lesen-lesen pembinaan syarikat-syarikat yang cuma berfungsi sebagai *sleeping partner*. Ini termasuk juga isu pemalsuan sijil terutama sekali sijil akademik. Antara yang dihadapi ialah masalah kerugian apabila ada pekerja yang telah lari dan sebagainya.

Apakah rancangan *ABCi* bagi mengatasi masalah ini?

Terima kasih, Yang Berhormat Pengerusi.

Yang Berhormat Menteri Pembangunan: Terima kasih, Yang Berhormat. Mengenai soalan kedua mengenai isu-isu pemalsuan sijil itu satu perkara yang dalam perhatian Kementerian Pembangunan dalam menangani bukan sahaja isu-isu pemalsuan bahkan juga menangani isu-isu 'Ali Baba'.

Kementerian Pembangunan dengan kerjasama agensi-agensi yang berkepentingan seperti Dewan Perniagaan dan Perusahaan Melayu Brunei telah pun mula menjalankan sesi temu duga kepada pemilik kontraktor *especially for* kelas 1 dan 2 sebagai salah satu prasyarat pendaftaran. Sesi temu duga ini dijalankan bagi memastikan keterlibatan pemilik tempatan dalam syarikat ini dan bukannya semata-mata untuk menyewakan lesen ataupun sijil pendaftaran sahaja dan sesi temu duga ini juga telah pun dilartakan kepada pendaftaran pembinaan kelas 1,2 dan 3. Sehingga Disember 2020, dari jumlah 143 syarikat yang memohon 73% telah berjaya manakala 26% yang tidak berjaya. Kebanyakannya menunjukkan unsur-unsur yang pemohon itu hanya memiliki syarikat pada nama sahaja manakala pengendalian sebenar syarikat berkenaan adalah pemilik-pemilik asing.

Mengenai soalan pertama barangkali Kementerian Pembangunan mengambil

maklum *concern* Yang Berhormat dan akan membuat respons setelah *information* ada. Barangkali Yang Berhormat Pengerusi izinkan kaola untuk menjawab satu, dua soalan yang telah pun disampaikan awal tadi oleh Yang Berhormat Awang Haji Ramli bin Haji Lahit, yang mana kaola difahamkan semasa pemuzakarahan di Kementerian Pembangunan, nampaknya beliau tidak dapat menghadirkan diri kerana urusan-urusan tertentu.

Kaola menyentuh mengenai soalan di bawah Tajuk SK05A - Jabatan Tanah - Peraturan dan Undang-Undang Tanah, Yang Berhormat telah menimbulkannya mengenai dengan tanah susur akibat meruntuh Bukit Sungai Paku bagi pengambilan pasir. Apakah rancangan pemulihan akan dilaksanakan terhadap kawasan yang rosak akibat pengambilan tanah dan berapa lamakah tempoh pengambilan ini dibenarkan.

Kementerian Pembangunan memang mengambil maklum atas isu yang dipersoalkan ini dan ingin menjelaskan bahawa usaha-usaha pemeliharaan secara langkah jangka panjang, pendek dilaksanakan sejak tahun lepas lagi bagi memitigasikan impak banjir di kawasan tersebut.

Antara lain langkah yang telah diambil termasuklah pemasangan kerja-kerja tembok ataupun dinding *gabion* dan mendalamkan *outlet-outlet* sepanjang jalan Seria/Tutong dan kerja-kerja pembersihan secara berjadual menerusi kontrak pemeliharaan sistem saliran yang dilaksanakan secara berterusan.

Di samping itu juga, perancangan bagi penanaman pokok-pokok selaras dengan inisiatif *Green Protocol* di bawah perubahan iklim akan dilaksanakan tahun ini dan keutamaan bagi kawasan pengambilan pasir yang rosak manakala bagi jangka panjang perancangan bagi pelaksanaan pengorekan Sungai Tembelanau akan diusahakan bagi tahun ini.

Bagi menambah usaha pengawalan impak pengorekan pasir di kawasan tersebut, usaha di bawah perundangan, dasar dan peraturan penerokaan dan perlombongan kuari galian, pihak kementerian dalam proses membaharui garis panduan pendaftaran syarikat perlombongan agar beroperasi dengan memastikan perlombongan yang mampan dan hijau, kawasan persekitaran yang sihat, mempunyai piawai yang terbaik dan perlindungan kepada alam sekitar flora dan fauna. Garis panduan baharu ini untuk memastikan bagi penerokaan dan perlombongan kuari dipantau untuk dilaksanakan bagi 3 fasa proses galian (sebelum, semasa dan selepas) aktiviti perlombongan agar mekanisme pengawalan, pemantauan dan pemulihan serta penguatkuasaan dilaksanakan setanding dengan negara-negara antarabangsa dan serantau. Maka bagi syarikat-syarikat yang sedang beroperasi di kawasan tersebut akan dipantau dan dikawal selia oleh pihak kementerian secara bersepadu dengan agensi-agensi lain seperti Jabatan Perhutanan dan pihak *DARe*.

Bagi kebenaran tempoh pengambilan pasir buat masa ini tidak menyatakan tempoh pengambilan dan kini dalam proses penelitian bagi menetapkan tempoh yang bersesuaian mengikut garis panduan terkini secara pentadbiran. Sekian itu sahaja. Yang Berhormat Pengerusi. Terima kasih.

Yang Berhormat Pengerusi: Terima kasih. **أَلْحَمْدُ لِلَّهِ** kita telah pun selesai berbincang dan meneliti secara panjang lebar mengenai Tajuk Kementerian Pembangunan. Saya kira berpatutannya sekarang dari perbincangan kita dan pertanyaan-pertanyaan yang ditimbulkan bagi tajuk ini untuk kita undi. Ahli-Ahli Yang Berhormat, yang bersetuju supaya Tajuk SK01A hingga Tajuk SK08A - Kementerian Pembangunan diluluskan, Sila angkat tangan.

(Semua Ahli mengangkat tangan tanda bersetuju)

Yang Berhormat Pengerusi: Semuanya bersetuju, terima kasih.

Yang Mulia Timbalan Jurutulis: Tajuk SK01A hingga Tajuk SK08A - Kementerian Pembangunan dijadikan sebahagian daripada Jadual.

Yang Berhormat Pengerusi: Ahli-Ahli Yang Berhormat, sebelum mesyuarat Jawatankuasa ini disambung semula untuk meneruskan perbincangan dan meneliti tajuk-tajuk seterusnya, saya telah difahamkan bahawa Yang Berhormat Menteri Pengangkutan dan Infokomunikasi ingin untuk memberikan

kenyataan. Saya persilakan Yang Berhormat.

Yang Berhormat Menteri Pengangkutan dan Infokomunikasi:

Terima kasih Yang Berhormat Pengerusi. Kaola memohon izin bagi Kementerian Pengangkutan dan Infokomunikasi lebih dahulu dibincangkan daripada kementerian-kementerian lain. Perkara ini dipohonkan atas sebab-sebab urusan rasmi. Terima kasih Yang Berhormat Pengerusi.

Yang Berhormat Pengerusi: Ahli-Ahli Yang Berhormat setelah mendengar kenyataan yang dibuat oleh Yang Berhormat Menteri Pengangkutan dan Infokomunikasi sebentar tadi, maka saya izinkan Yang Berhormat mendahulukan Tajuk Kementerian Pengangkutan dan Infokomunikasi untuk kita bincangkan.

Yang Mulia Timbalan Jurutulis: Tajuk SN01A hingga Tajuk SN09A - Kementerian Pengangkutan dan Infokomunikasi.

Yang Berhormat Pengerusi: Ahli-Ahli Yang Berhormat. Sekarang kita mula membincangkan bagi Tajuk SN01A hingga Tajuk SN09A - Kementerian Pengangkutan dan Infokomunikasi. Sebelum tajuk-tajuk ini dibuka untuk dibahaskan dan dibincangkan sebagaimana lazim kepada tajuk-tajuk kementerian yang lain, saya ingin memberikan ruang kepada Yang Berhormat Menteri Pengangkutan dan Infokomunikasi untuk memberikan mukadimah belanjawan dan hala tuju bagi penyediaan belanjawan

kementeriannya. Saya persilakan Yang Berhormat.

Yang Berhormat Menteri Pengangkutan dan Infokomunikasi:

Terima kasih Yang Berhormat Pengerusi.

بِسْمِ اللَّهِ الرَّحْمَنِ الرَّحِيمِ

الْحَمْدُ لِلَّهِ رَبِّ الْعَالَمِينَ ، وَالصَّلَاةُ وَالسَّلَامُ عَلَى أَشْرَفِ الْأَنْبِيَاءِ
وَالْمُرْسَلِينَ ، سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ وَعَلَى آلِهِ وَصَحْبِهِ أَجْمَعِينَ

والسلام عليكم ورحمة الله وبركاته dan selamat petang. Lebih dahulu kaola mengucapkan terima kasih kepada Yang Berhormat Pengerusi atas peluang kaola untuk mengongsikan mukadimah bagi memulakan perbincangan anggaran peruntukan Kementerian Pengangkutan dan Infokomunikasi (*MTIC*) bagi Tahun Kewangan 2021/2022.

Bagi mendukung tema belanjawan pada tahun ini iaitu: "Kearah Pembangunan Sosioekonomi Yang *Resilient*". Izinkan kaola mengongsikan beberapa inisiatif yang dilaksanakan oleh *MTIC*. Dasar hala tuju *MTIC* dipandu oleh 3 dasar strategik utama yang telah dilancarkan pada tahun 2020 iaitu:

1. Pelan Induk Ekonomi Digital 2025 di bawah Majlis Ekonomi Digital sebagai dasar utama untuk menjadikan Negara Brunei Darussalam sebagai sebuah negara pintar serta mendorong dan meningkatkan pertumbuhan sosioekonomi negara melalui transformasi digital.;

2. Pelan Strategik Kementerian Pengangkutan dan Infokomunikasi (*MTIC*) 2025 untuk mendukung Wawasan Brunei 2035.; dan

3. Pelan Strategik Keselamatan Jalan Raya bagi Negara Brunei Darussalam 2025 bagi memandu inisiatif keselamatan dan kepiawaian sektor pengangkutan darat di Negara Brunei Darussalam.

Yang Berhormat Pengerusi dan Ahli-Ahli Yang Berhormat.

Sehubungan dengan Pelan Induk Ekonomi Digital 2025 ianya berteraskan kepada tindakan bersepadu antara agensi-agensi kerajaan, industri dan masyarakat umum. Sebagai asas kepada transformasi digital beberapa inisiatif telah dan akan dilaksanakan, antaranya:

1. Projek Pusat Kebangsaan e-Kerajaan, *EGNC* iaitu *National Centralised Database (NCDB)* di bawah RKN-11 dengan peruntukan sebanyak \$8.9 juta. Terkandung di bawah projek ini *National Information Hub* bagi penyediaan platform perkongsian data yang selamat dan terjamin.;
2. Pemusatan ataupun *centralising* pembiayaan lesen-lesen komputer yang digunakan oleh kementerian-kementerian dengan peruntukan sebanyak \$8.2 juta di bawah *EGNC*. Pembayaran lesen secara *centralise* ini menyumbang kepada penggunaan sumber secara optimum dan berhemah.;

3. Meningkatkan keberkesanan perkhidmatan kerajaan kepada orang ramai secara dalam talian dan melalui aplikasi mudah-alih serta memperbaiki proses-proses dalaman seperti berikut:

- i. Menggunakan *portal gov.bn*. Sejak diperkenalkan pada tahun 2012, sebanyak 132 perkhidmatan dalam talian telah disediakan melalui portal ini. Dari jumlah tersebut 34 perkhidmatan memudah cara transaksi pembayaran dalam talian kepada orang ramai.;
- ii. Memanfaatkan aplikasi mudah-alih seperti *TransportBN*. Sejak diperkenalkan pada tahun 2019 penggunaan *TransportBN* terus meningkat dari tahun ke tahun.; dan
- iii. Memudah cara akses orang ramai kepada perkhidmatan-perkhidmatan dalam kerajaan seperti inisiatif "Nomborku" yang baru dilancarkan pada 24 Februari 2021 sebagai kemudahan orang ramai mengikuti tawaran-tawaran bilangan pendaftaran kenderaan. Penambahbaikan berterusan ke atas perkhidmatan ini akan dilaksanakan secara berperingkat.; dan
- iv. Penggunaan sepenuhnya *e-Office* dalam pengurusan persuratan dokumen dalaman

di *MTIC*. Ini telah dapat meningkatkan keberkesanan operasi dalaman dan mendukung pelaksanaan Protokol Hijau dengan mengurangkan penggunaan kertas. بِسْمِ اللَّهِ الرَّحْمَنِ الرَّحِيمِ projek ini juga telah dilaratkan ke beberapa buah kementerian lain bagi pelaksanaannya secara berterusan.

Pada masa yang sama, infrastruktur telekomunikasi di negara ini terus dinaik taraf. بِسْمِ اللَّهِ الرَّحْمَنِ الرَّحِيمِ usaha ini telah membawa Negara Brunei Darussalam ke tangga kedua dalam kalangan negara-negara ahli *ASEAN* dari segi *Telecommunications Infrastructure Index* seperti yang direkodkan dalam laporan *United Nations e-Government Survey 2020*.

Bertepatan dengan kemajuan ini, setakat ini 983 buah menara telekomunikasi telah diaktifkan bagi memberikan liputan perkhidmatan rangkaian yang meluas. *MTIC* juga memberi perhatian kepada keperluan liputan di kawasan pedalaman. Projek menara di luar bandar di bawah RKN 11 dengan peruntukan sebanyak \$3 juta akan melibatkan empat buah kampung iaitu Kampung Sukang, Kampung Melilas dan Kampung Apak-Apak, Daerah Belait serta Kampung Long Mayan, Daerah Tutong.

Walau bagaimanapun, kita masih berhadapan dengan kegiatan yang merugikan semua pihak iaitu kes-kes kecurian kabel telekomunikasi. Sejak September 2019 hingga Mac 2021 sebanyak 176 kejadian kecurian kabel

telah direkodkan yang menjejaskan perkhidmatan rangkaian perhubungan.

Ia perlu ditangani secara bersepadu dengan kerjasama pelbagai pihak termasuk agensi-agensi penguat kuasa dan juga pemimpin akar umbi. Kempen pemberiagan juga terus dijalankan bagi menjana kesedaran dan kerjasama orang ramai untuk membanteras kegiatan ini.

Bagi membentuk persekitaran digital yang selamat. *Cyber Security Brunei (CSB)* telah ditubuhkan dan mula beroperasi sejak 1 Ogos 2020 sebagai agensi keselamatan siber kebangsaan. Pada masa ini *CSB* giat menjalankan aktiviti-aktiviti kesedaran orang ramai mengenai amalan-amalan terbaik keselamatan siber. Pada tahun 2020, sebanyak 66 sesi taklimat telah diadakan yang melibatkan masyarakat termasuk para penuntut dan belia.

Bagi memantapkan urus tadbir dalam transformasi digital *MTIC* sedang menyediakan dua rangka perundangan utama iaitu:

1. *Cyber Security Order* yang memfokuskan tindakan dalam menangani ancaman dan insiden keselamatan siber.; dan
2. *Personal Data Protection Order* yang bertujuan untuk memelihara penggunaan, pengumpulan dan pendedahan data peribadi oleh sektor swasta. Rangka perundangan ini sedang diteliti dan akan melibatkan konsultasi

dengan pelbagai pihak yang berkepentingan.

Ke arah membentuk masyarakat yang bersedia untuk masa depan digital kementerian ini terus bekerjasama erat dengan *Manpower Planning Employment Council (MPEC)* melalui *Manpower Industries Steering Committee Working Group For ICT Sector*. Melalui kerjasama ini sasaran utama bagi penyediaan 300 tenaga kerja tempatan yang mempunyai *ICT industries ready skills* setiap tahun.

Yang Berhormat Pengerusi dan Ahli-Ahli Yang Berhormat.

Dalam sektor pengangkutan penggunaan teknologi diterapkan dalam projek menaik taraf dan meningkatkan kualiti perkhidmatan pengangkutan bas awam. Ke arah ini *Public Transport Informations Systems* telah pun diusahakan bersama JPD, *AITI* dan syarikat-syarikat pengangkutan bas awam. Usaha ini bertujuan menyediakan maklumat secara *real time* dengan sasaran pelaksanaannya pada suku ketiga tahun 2021 ini.

Selaras dengan visi Pelan Strategik Keselamatan Jalan Raya Negara Brunei Darussalam 2025 iaitu *Zero Road Accident Fatalities by 2025*. اللَّحْمَدُ لِلَّهِ jumlah kemalangan di Negara Brunei Darussalam menunjukkan *trend* penurunan sebanyak 67% dari tahun 2015 hingga tahun 2020.

Untuk mengekalkan *trend* ini melalui Majlis Kebangsaan Keselamatan Jalan Raya (MKKJR), kempen-kempen kesedaran terus dijalankan termasuk Program Kesedaran Keselamatan Jalan Raya pada awal bulan Mac 2021 yang mengetengahkan pelancaran e-buku *Understanding Your Vehicle*.

Yang Berhormat Pengerusi dan Ahli-Ahli Yang Berhormat.

MTIC akan menyediakan dua projek rintis dengan kerjasama pelbagai pihak di negara ini dan terdapat dua projek rintis yang telah menerima limpah kurnia perkenan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam untuk dilaksanakan pada tahun 2021 ini iaitu:

1. Projek Rintis Kenderaan elektrik *EV* seperti yang kaola sudah umumkan pada 18 Mac yang lepas. **اَلْحَمْدُ لِلّٰهِ** satu projek rintis *EV* akan pada Khamis, 25 Mac 2021 ini. Projek rintis ini adalah untuk menilai persediaan bagi peralihan dari kenderaan konvensional kepada kenderaan elektrik ataupun alternatif sebagai usaha mengurangkan *carbon footprint* di negara ini.; dan
2. Projek Rintis Teknologi *5G* yang **اِنْ شَاءَ اللّٰهُ** akan dilancarkan pada bulan April 2021 ini, bagi meneroka potensi dan pelaksanaan teknologi *5G*. Ke arah ini beberapa lokasi telah dikenal pasti untuk memaparkan kemampuan teknologi *5G*. Melalui *5G use-cases* yang boleh

dimanfaatkan ke arah inovasi dan transformasi digital di negara ini.

Yang Berhormat Pengerusi dan Ahli-Ahli Yang Berhormat.

اِنْ شَاءَ اللّٰهُ projek-projek serta inisiatif-inisiatif yang mendukung ke arah pertumbuhan ekonomi negara akan dilaksanakan melalui peruntukan Perbelanjaan Biasa dan Perbelanjaan Kemajuan yang disokong untuk Kementerian Pengangkutan dan Infokomunikasi (*MTIC*) sebanyak \$143,754,979.00 bagi Tahun Kewangan 2021/2022.

Akhir sekali, kaola ingin mengambil kesempatan ini untuk mengucapkan penghargaan yang setinggi-tingginya kepada semua Ahli Yang Berhormat atas sokongan serta pendekatan berterusan dalam sektor di bawah kawalan *MTIC* dan ini termasuk kesudian Ahli-Ahli Yang Berhormat dalam menyaksikan sesi-sesi latihan keselamatan maritim dan udara yang diadakan pada penghujung tahun 2019 serta mengikuti beberapa siri lawatan ke jabatan, agensi-agensi dan syarikat-syarikat penyedia perkhidmatan di sektor pengangkutan dan infokomunikasi sepanjang tahun 2020 dan awal tahun ini.

Sekian kaola sampaikan hala tuju dan pencapaian Kementerian Pengangkutan dan Infokomunikasi. Mudah-mudahan segala inisiatif yang diusahakan akan membuahkan hasil dan impak yang dihasratkan ke arah Wawasan Brunei 2035, terima kasih.

وبالله التوفيق والهداية. وَ السَّلَامُ عَلَيْكُمْ وَرَحْمَةُ اللّٰهِ وَبَرَكَاتُهُ

Yang Berhormat Pengerusi: Terima kasih Yang Berhormat Menteri Pengangkutan dan Infokomunikasi atas mukadimah yang telah pun dibentangkan yang mengandungi perkara-perkara yang diterangkan dengan cukup jelas dan terperinci. Bersama saya terdapat satu senarai Ahli Yang Berhormat yang suka untuk membahaskan Tajuk Kementerian Pengangkutan dan Infokomunikasi ini. Untuk tidak membuang masa lagi saya mulakan dengan mempersilakan Yang Berhormat Dayang Nik Hafimi binti Abdul Haadii.

Yang Berhormat Dayang Nik Hafimi binti Abdul Haadii: Terima kasih sekali lagi Yang Berhormat Pengerusi. Terutamanya kaola mengucapkan tahniah kepada kementerian dan menyambut bagi mukadimah Menteri Pengangkutan dan Infokomunikasi. Kitani memang mengakui bahawa proses transformasi bukannya saja dari aspek menaikkan taraf *hardware* tetapi mesti jua mendapat sokongan *interface* rakyat melalui *softwarena*.

Kaola membawa soalan atau cadangan di bawah Tajuk SN05A - Jabatan Pengangkutan Darat Kod Akaun 002/000 khususnya di bawah Penguatkuasaan. Saya memahami cabaran yang dihadapi oleh semua kementerian dan agensi-agensinya dengan masalah penguatkuasaan terutamanya bagi perkara yang melibatkan bidang kuasa pelbagai pihak dan kadang-kadang tidak tahu agensi manakah yang patut bertindak lebih dahulu.

Dicadangkan satu model *PPP* ditubuhkan bagi menangani isu individu yang melanggar Akta Lalu Lintas Jalan Raya Penggal 68 Bab 149(D) mengenai *no parking* ataupun *no waiting*. Hasil daripada denda bolehlah dikongsi oleh pihak yang terlibat. Ini diharapkan boleh mengurangkan kesesakan di kawasan komersial kerana ada beberapa tempat yang tidak dibenarkan meletak kereta, namun sudah menjadi kebiasaan yang larangan itu tidak diambil peduli.

Selain itu, ke arah membangun *smart city*, kaola cadangkan untuk menggalakkan pemilik bangunan atau harta tanah untuk memasang *network surveillance* di kawasan umum. Akses rakaman bolehlah dikongsikan kepada pihak-pihak berkuasa yang relevan bagi memantau kawasan umum sebagai satu *deterrence* untuk melanggar peraturan dan undang-undang.

Di bawah Tajuk SN01A - Jabatan Kementerian Pengangkutan dan Infokomunikasi. Mengenai pemantauan di sungai-sungai yang luas dan sisiran pantai negara yang amat panjang, disarankan bagi penubuhan sebuah Unit Pengawal Pantai (*Coast Guard Unit*) yang bertujuan untuk melindungi semua sungai-sungai dan sepanjang sisiran pantai negara. Peranan Unit Pengawal Pantai (*Coast Guard Unit*) ini berbeza daripada tanggungjawab Tentera Laut Angkatan Bersenjata Diraja Brunei, Jabatan Kastam dan Eksais Diraja atau Polis Laut, Pasukan Polis Diraja Brunei. Ia dapat menggunakan model *PPP* jua untuk membolehkan semua lapisan masyarakat yang ingin

berkhidmat secara sukarela bagi membantu agensi Penguatkuasaan Undang-Undang dan juga Tentera Laut, Angkatan Bersenjata Diraja Brunei.

Sekian, terima kasih Yang Berhormat Pengerusi.

Yang Berhormat Menteri Pengangkutan dan Infokomunikasi:

Terima kasih Yang Berhormat Pengerusi. Yang Berhormat Pengerusi, kaola memohon izin sebelum kaola menjawab soalan daripada Yang Berhormat Nik Hafimi binti Abdul Haadii tadi. Kaola ingin menjawab, ada dua soalan yang berhubung kait dengan *MTIC* yang telah pun diusulkan pada sesi-sesi sebelum ini.

Terima kasih Yang Berhormat Pengerusi. Mula-mula sekali, kaola ingin menjawab satu soalan yang diusulkan oleh Yang Berhormat Awang Haji Umarali Bin Esung semasa sesi pembentangan Rang Undang-Undang (2021) Perbekalan, 2021/2022 yang menyentuh mengenai *Research and Development*.

Sehubungan dengan itu, kaola ingin membuat kenyataan bahawa di bawah *Brunei Research Council* yang pada penghujung tahun 2019 Kementerian Pengangkutan dan Info Kumunikasi telah pun diamanahkan untuk mengambil ataupun menjalankan peranan untuk mempengerusikan *Brunei Research Council* yang telah pun diambil alih dari Kementerian Tenaga sebelum ini.

BRC cuma pernah bersidang pada tahun lepas beberapa kali. Namun demikian, kaola ingin menyatakan *with regards*

to research and development ini *Brunei Research Council* pada masa ini dipengerusikan oleh Menteri Pengangkutan dan Infokomunikasi sedang membuat penelitian untuk memantapkan lagi ataupun memperkemaskinikan lagi dasar mengenai pengurusan *research project* di negara ini. *إِنْ شَاءَ اللَّهُ* mudah-mudahan ketetapan akan ada, satu pemikiran untuk menyerap *research council* ini dengan peranan *science and technology* yang juga di bawah peranan *MTIC* pada masa ini. Ini satu kenyataan untuk dikongsikan untuk makluman di Dewan yang mulia ini.

Sehubungan dengan satu soalan yang diusulkan oleh Yang Berhormat Awang Haji Tahamit Bin Haji Nudin semasa Sesi Pembentangan Hal Ehwal Dalam Negeri mengenai perlindungan data peribadi dan juga mengenai isu *fake news* ataupun berita bohong, kaola ingin memberikan sedikit jawapan. Seperti juga ada yang kaola sebutkan tadi dalam mukadimah kaola mengenai *Data Protection Order* yang sedang diteliti.

Kaola ingin menyampaikan bahawa perlindungan data peribadi memanglah satu pertimbangan utama dalam transformasi digital. Bagi menangani perkara ini, *MTIC* melalui pihak *AITI* berperanan *intervent agency* untuk perlindungan maklumat peribadi (*personal data protection*). Pada masa ini, orang ramai banyak yang tertanya-tanya kalau apa-apa *On Data Protection Issues* ini, jawapannya, *Interim Agency* ialah *AITI* di bawah kawalan *MTIC*.

Ke arah ini, penyediaan rangka kerja yang kaola sebutkan tadi sedang diteliti dan antara lainnya bertujuan untuk memelihara penggunaan dan pendedahan data peribadi serta penyediaan satu *framework* atau garis panduan bagi pengumpulan penggunaan dan pendedahan data peribadi oleh industri ataupun *in the business sector*. Ia telah secara menyeluruh merangkumi bukan sahaja kerajaan, industri tetapi orang ramai.

Pada masa ini, Negara Brunei Darussalam berpandukan juga amalan-amalan terbaik serantau untuk perlindungan data peribadi yang baru-baru ini, *بِسْمِ اللَّهِ الرَّحْمَنِ الرَّحِيمِ* semasa *Mesyuarat Menteri-Menteri Digital ASEAN* yang kaola hadir sendiri Negara Brunei Darussalam dikategorikan mengikuti prinsip-prinsip di bawah rangka kerja perlindungan data peribadi *ASEAN* yang bertujuan menyelaraskan piawaian pengurusan data dan aliran data sempadan di rantau *ASEAN*. *In other words, we are compliance to the* garis panduan yang dibuat oleh *ASEAN*.

Akhir sekali, sehubungan dengan isu mengenai *hoax news* ataupun *fake news* yang diutarakan oleh Yang Berhormat Awang Haji Tahamit bin Haji Nudin, izinkan kaola menambah sedikit kepada jawapan yang telah pun dikongsikan pada masa itu. Bagi menangani berita palsu ataupun *hoax news* ini, ia memerlukan pendekatan yang holistik dan bersepadu dari semua pihak termasuk masyarakat awam.

Dalam hal ini, di bawah satu Majlis Penasihat iaitu Majlis Penasihat Isu-Isu Berkaitan Isu Kandungan ataupun *Content Advisory Council (CAC)*. Majlis Penasihat ini dipengerusikan bersama oleh Jabatan Perdana Menteri dan Kementerian Pengangkutan dan Infokomunikasi (*MTIC*) yang dianggotai oleh beberapa agensi kerajaan yang berkenaan.

Antara peranannya adalah memastikan pengurusan, pengawal seliaan serta langkah-langkah bersesuaian diambil bagi isi kandungan (*content*) isu menepati perundangan dan kod-kod amalan yang berjalan. Pada masa ini, beberapa inisiatif telah dan sedang dijalankan oleh *MTIC* melalui *AITI* dan *Cyber Security Brunei (CSB)* bagi meningkatkan kesedaran ataupun *education to the public* dalam menangani berita-berita palsu yang tular *because we have social media* massa ini, ia membolehkan, memudahkan lagi berita-berita yang tidak dapat disahkan ditularkan secara *low time*. Ini adalah termasuk dalam penyediaan bahan-bahan pembelajaran media sosial untuk kurikulum sekolah, penerbitan bahan-bahan promosi dan poster kesedaran untuk disiarkan melalui *mass media* dan media sosial serta mengadakan taklimat-taklimat kepada masyarakat khususnya kepada penuntut dan belia di negara ini.

Sehubungan dengan soalan-soalan yang diusulkan oleh Yang Berhormat Nik Hafimi binti Abdul Haadii. Ada 3 soalan tadi Yang Berhormat Pengerusi, kaola dapat merujuk semula.

Mengenai penguatkuasaan cadangan mengenai PPP modal untuk meningkatkan lagi penguatkuasaan yang berhubung kait dengan kesalahan-kesalahan di bawah *Road Traffic Act Chapter 69 Bab 149 (a)&(b)* dan dalam hal ini memang cadangan itu diambil baik tetapi ia perlulah jua diteliti jua dengan beberapa agensi.

Yang Berhormat Hafimi tadi menyebut *there is a lack of clarity for authorities which is quite true sometime but* di bawah RTA (*Road Traffic Act*) itu, memang kuasa-kuasanya *quite clear* kuasa *enforcement* adalah di bawah Pengarah JPD dan juga di bawah pihak Polis Diraja Brunei *but of course* tahun lepas sahaja untuk maklumat maklumat bersama 2020, *if i recall correctly* beberapa *actually compound* telah pun dikeluarkan *for offences, simple offences like* orang yang parking tidak menentu di tepi jalan, *but there were actually compound been issued by* Jabatan Pengangkutan Darat sendiri lain lagi *compound issued by* Pasukan Polis Diraja Brunei tetapi dalam hal ini dua perkara:

1. Memang menjadi *modus operandi* pihak-pihak berkenaan menjalankan operasi-operasi bersepadu;
2. Memang ada penyelarasan, *that's why* dari segi operasi bersepadu ini ia bukan sahaja kadang-kadang melibatkan dua pihak agensi tetapi agensi-agensi yang lain, tetapi di bawah *Road Traffic Act* memang *very clear to be stated* kuasa-kuasa penguatkuasa itu adalah kepada dua pihak ini.

إِنْ شَاءَ اللهُ saranan mengenai PPP ini akan boleh dibawakan kepada pihak Majlis Kebangsaan Keselamatan Jalan Raya untuk menundukinya.

Soalan kedua tadi berhubung dengan 'Smart City', yang dicadangkannya tadi oleh Yang Berhormat mengenai pemilik-pemilik bangunan disarankan untuk mengadakan *network surveillance facilities* dan sebagainya, inilah satu jua pemikiran yang boleh diambil kira dan untuk beberapa agensi penguat kuasa, agensi-agensi jawatankuasa seperti disebutkan oleh Menteri Pembangunan dalam sesi perbincangan Kementerian Pembangunan, satu jawatankuasa telah pun ditubuhkan iaitu Jawatankuasa Smart City atas perkenan Kebawah Duli Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam. Jua pada tahun lepas, *we just convince this committee* jua yang *its comprising of several agencies* jua termasuk agensi-agensi penguatkuasaan.

Dalam hal ini, beberapa inisiatif dan projek sedang dikenal pasti *and I am sure this is one of the possible option to look at* untuk mempertingkatkan ataupun untuk mencapai hasrat kitani untuk menjadikan Bandar Seri Begawan ini menjadi satu Smart City dan secara menyeluruhnya kita menjadi Smart Nation seperti jua dititahkan beberapa kali di peringkat atasan.

Mengenai perkara ketiga, soalan dan cadangan jua mengenai *surveillance coastal is not like a coastal guard, correct me if I am wrong* but apa yang dimaksudkan mungkin ada dua perkara

di bawah kawalan *MTIC* melalui *Maritime Port Authority of Brunei Darussalam* iaitu satu *entity* yang telah pun ditubuhkan selepas pengkorporatan Jabatan Pelabuhan dan Laut diserapkan menjadi *MPABD*.

Peranan *MPABD* adalah peranan keselamatan *which is safety, navigational safety* khususnya *looking into the safety aspect of* pengguna-pengguna perairan ataupun sungai dan perairan Negara Brunei Darussalam. Manakala *perspective* kedua adalah *security*. *Security* ini ada jawatankuasa yang khusus untuk menanganinya *which is under* Jawatankuasa *Security Maritime*, ini yang jua ahlinya merupakan *MPABD* jua.

Dari kedua-dua aspek ini mungkin dapat jua kali diambil kira pemikiran tadi itu *but we may have to look into this two perspective*, nya orang bukan secara *independent* tapi boleh secara sepadu menyeluruh *to safe resources dan duplication*. Terima kasih Yang Berhormat Pengerusi.

Yang Berhormat Pengerusi: Saya persilakan Yang Berhormat Awang Haji Mohimin bin Haji Johari @ Jahari.

Yang Berhormat Awang Haji Mohimin bin Haji Johari @ Jahari: Terima kasih Yang Berhormat Pengerusi.

بِسْمِ اللَّهِ الرَّحْمَنِ الرَّحِيمِ

الْحَمْدُ لِلَّهِ رَبِّ الْعَالَمِينَ، وَالصَّلَاةُ وَالسَّلَامُ عَلَى سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ أَشْرَفِ الْمُرْسَلِينَ، وَعَلَى آلِهِ وَصَحْبِهِ أَجْمَعِينَ.

Tahniah yang setinggi-tingginya kepada Yang Berhormat Menteri Pengangkutan dan Infokomunikasi dalam usaha

menanai tugas dan tanggungjawab yang diamanahkan. Didoakan berjaya dan dikurniakan ganjaran yang setimpal di sisi الله dengan rahmatNya.

Kaola suka membawa di bawah Tajuk SN01A – Jabatan Kementerian Pengangkutan dan Infokomunikasi.

1. Kaola membawa berkenaan *UNW* yang mana tempoh tamat tarikh *easocard DST* agak singkat sehinggakan berlaku akaun sistem *MBB* masih banyak tetapi tempoh kad didapati mansuh. Mohon tempoh mansuh kad kredit prabayar dipanjangkan.
2. Sepertimana kaola pernah cadangkan perkara ini, dan pertanyaan kaola adakah pelan tindakan untuk membruneikan pemasaran kad kredit *DST*, Progresif dan *PowerKad* Elektrik yang kaola maksudkan supaya peluang pemasaran hanya kepada orang kitani sendiri kerana selama ini keuntungan dari pemasaran kad kredit ini boleh mencapai jutaan ringgit setiap bulan. Disinilah fungsi *whole of nation approach* yang menjadikan peluang hasil-hasil seperti ini masuk ke poket orang kitani kerana berpuluh tahun peluang ini dimanfaatkan oleh orang lain.

Mungkin pembruneian ini kita fokus kepada belia kitani yang berminat atau mahasiswa yang belum mempunyai pekerjaan. Ini boleh menjana sumber pendapatan yang tinggi, kita gunakan *whole of nation approach* dengan memohon

kerjasama bank-bank tempatan dengan produk-produk yang ada seperti *list of credit, overdraft, advance loan* dan lain-lain. Perkara ini kaola timbulkan kerana syarikat *UNN* bersifat *GLC* yang mungkin boleh *sharing* manfaat kepada rakyat dengan istilah sekarang ini mem*viral* 'support orang kitani local'.

Seterusnya di bawah Tajuk SN05A – Jabatan Pengangkutan Darat. Kaola suka 'merista' peningkatan pelaksanaan peraturan dan undang-undang mungkin masih terdapat *loophole* yang mungkin ada di Jabatan Pengangkutan Darat kerana jabatan ini banyak berurusan bagi kepentingan orang ramai dan perniagaan.

Sekian terima kasih Yang Berhormat Pengerusi.

Yang Berhormat Menteri Pengangkutan dan Infokomunikasi:
Terima kasih Yang Berhormat Pengerusi.

Ada 3 perkara kalau kaola dapat menjawabnya. Mula-mula sekali kaola mengucapkan terima kasih atas soalan daripada Yang Berhormat tadi. Mula-mula sekali menyentuh *regarding* di kad caj yang disebutkan tadi itu, mungkin perkara ini walaupun dikira isu harian sebenarnya ataupun *operational* tetapi sedikit sebanyak ia membawa jua sedikit isu strategik sebenarnya dan kaola dapat menerangkan sedikit.

Pada dasarnya, mula-mula sekali kaola ingin membuat kenyataan *MTIC* ini melalui *AITI*, *AITI* ini adalah sebuah badan *statutory* yang mengawal selia perkhidmatan telekomunikasi kepada

orang ramai. *It means any public interest*, nya orang apa berkepentingan orang ramai kitani ia adalah menjadi *concern* kepada *MTIC* dan *AITI*.

Dalam hal ini, *AITI* menggalakkan peluang perniagaan yang meluas dari apa jua perkhidmatan-perkhidmatan *ICT* di negara ini. Berkaitan dengan isu *top-up* ataupun *recharge card*, yang Yang Berhormat tadi mengutarakan, ia di bawah syarikat-syarikat penyedia perkhidmatan-perkhidmatan seperti meluruskan sedikit minta maaf bukannya *UNN* sebenarnya, *UNN* itu adalah penyediaan *network* rangkaiannya tapi *now* ada 3 penyedia *operatomy* ataupun *service provider* yang kitani sudah sedia maklum syarikat-syarikat *Imagine*, syarikat *Data Stream Digital* dan syarikat *Progresif* bukan *UNN* isu *UNN is more to* rangkaian *network*.

Dalam hal ini memang *AITI* bekerjasama erat dan mengawal, memantau juga melalui konsultasi di bawah *regulatory framework* untuk menjaga sebab ketiga-tiga ini adalah berlesen di bawah *AITI* dan apa jua isu-isu orang ramai bolehlah diutarakan, *we have received complains* jua inda selalu tetapi apabila *complaint* diterima *SOP normally* akan memanggil dan berunding kerana ekonomi negara kitani *ani is a small nation we know each other so that's something yang base on a consultative approach in other words a kind of light touch regulatory*.

إِنْ شَاءَ اللهُ perkara ini memanglah di bawah kawalan *AITI* seperti Yang Berhormat nyatakan dengan membetulkannya saja sedikit. Apa jua yang dimaksudkan di bawah lesen-lesen

itu memang ada syarat-syarat jika kedapatan jua sekiranya *services provision* itu ada *affected quality of services* dan sebagainya orang ramai tidak berpuas hati disebabkan *unfair pricing* jadi ada bagusnya ada *licensing regulatory framework* tertentu bukan secara pentadbiran dan sebagainya *we have the sop to address this issues*.

Ini juga termasuk ada *Code Of Competition* yang sedang dikemaskinikan di bawah *AITI* dengan berkonsultasi rapat dengan syarikat-syarikat yang kaola sebutkan itu.

Mengenai perkara 2. Ada Yang Berhormat menyebut mengenai *localization UNN* mungkin pada dasarnya kaola seperti menyentuh *MTIC* dan *AITI* adalah berperanan untuk melihat perkara-perkara dasar dan kawalselia ertinya mana yang affective the *quality of services* kepada orang ramai lebih bersesuaian bagi kementerian yang berkenaan boleh menjelaskan mengenai *policy localization of UNN* dan sebagainya.

Kaola rasa ada satu cadangan dan pandangan daripada Yang Berhormat mengenai Jabatan Pengangkutan Darat memang disedari benar beberapa usaha-usaha untuk menambah baik, mengemas kini dan membetul-betulkan *all the operational requirement* of Jabatan Pengangkutan Darat dalam mukadimah tadi kaola menyebut mentransformasikan jabatan-jabatan dan *is to make the services ini more transparent, telus, more governed* dan saksama kepada orang ramai **إِنْ شَاءَ اللَّهُ** beberapa kes-kes yang

terjadi *non-transparent* itu menyebabkan isu-isu kurang sihat, boleh berlaku tetapi, **أَلْحَمْدُ لِلَّهِ** dapat ditangani dan dikemas kini dan diperbaiki dari semasa ke semasa seperti kaola sudah sebutkan dalam mukadimah tadi.

Sekian terima kasih.

Yang Berhormat Pengerusi: Terima kasih, saya difahamkan Yang Berhormat Menteri di Jabatan Perdana Menteri dan Menteri Kewangan dan Ekonomi II suka untuk memberikan penerangan lebih lanjut.

Yang Berhormat Menteri di Jabatan Perdana Menteri dan Menteri Kewangan dan Ekonomi II: Terima kasih Yang Berhormat Pengerusi bagi peluang kaola menjawab soalan yang diajukan tadi Yang Berhormat mengenai caj kad yang diberikan oleh *DST* dan beberapa syarikat *telecommunication company*.

Memang sebelum *UNN* ditubuhkan caj kad lebih, kurang *competition* kalau dibandingkan pada masa ini, sudah ada peranan *UNN* untuk menjanakan *network* rangkaian. Peranan *DST, Progresif dan Imagine* untuk *competition* membagi pakej-pakej yang menarik untuk mendapatkan *customer* dan sebagainya.

Dengan sendirinya sebagaimana Menteri *MTIC* tadi menerangkan memang *AITI* ada peraturan SOPnya tetapi kitani bukan sahaja mengharap SOP dan *authority* sebagai *AITI* kitani menggalakkan melalui *market forces* supaya yang tiga-tiga syarikat itu, *DST,*

Progresif dan *Imagine* dengan sendirinya ada *competition* dengan pakejnya makin menarik dalam masa yang akan datang.

Tetapi kalau di lihat pada masa ini, Yang Berhormat bagi contoh *DST* kalau kitani lihat *DST* punya pakej 3GB untuk 30 hari kitani bayar \$22, jika dibandingkan dengan negara jiran sama juga 3GB hanya untuk 3 hari, bukan 30 hari, mesti bayar \$25, tinggi daripada *DST*. Mudah-mudahan dengan *competition DST, Progresif, Imagine* mudah-mudahan kadar ini akan ikut menurun.

Usaha kitani bukan sahaja mengharapkan *competition* kerja-kerja *UNV* itu juga meningkatkan efisiensi mereka dengan sendirinya seperti kita lihat pada tahun lepas kadar yang dibayar oleh orang ramai, subscribe sudah menurun kalau dibandingkan dengan sebelum *UNV*.

إِنْ شَاءَ اللَّهُ *UNV* akan berusaha dalam masa terus untuk meningkatkan *productivity* mereka supaya kadar yang kan di *offer* kepada syarikat-syarikat *DST, Progresif, Imagine* akan terus menurus jadi dengan sendirinya *DST, Progresif, Imagine* akan juga menurunkan kadar kepada orang ramai.

Yang Berhormat Pengerusi: Terima kasih, sekarang saya persilakan Yang Berhormat Awang Iswandy bin Ahmad.

Yang Berhormat Awang Iswandy bin Ahmad: Terima kasih, Yang Berhormat Pengerusi.

السَّلَامُ عَلَيْكُمْ وَرَحْمَةُ اللَّهِ وَبَرَكَاتُهُ. Kaola ingin menyentuh 2 perkara:

1. Jabatan Penerbangan Awam diberikan peruntukan \$26,600,772 juta sebagai Ahli *ASEAN Single Aviation Market* Brunei mempunyai perjanjian prospektif yang dibuat antara negara-negara serantau bagi memudahkan penerbangan-penerbangan beroperasi di semua negara *ASEAN market*. Kitani telah berjaya melaksanakan 145 daripada 160 *targeted milestone* di dalam *Brunei Action Plan. 2011-2015 ASEAN Strategic Transport Plan* yang mana pada akhir tahun 2015, 70% antara *milestone* ini masih berjalan ditahap berlainan dan selebihnya akan diteruskan oleh Kuala Lumpur *Strategic Transport Plan 2016-2025*. Soalan saya, apakah status pelaksanaan negara pada masa ini bagi meneruskan inisiatif rangka kerja *ASEAN Aviation Market* terutama sekali di era kita menghadapi pandemik *COVID-19* malah jua untuk persediaan kitani untuk apa jua cabaran masa depan sekiranya pandemik ataupun cabaran-cabaran lain dihadapi.
2. Mengenai pengangkutan, perhubungan sistem pengangkutan awam. Menurut laporan *ASEAN Automotive Federation (AAF)* Negara Brunei Darussalam adalah satu-satunya negara anggota *ASEAN* yang mencatatkan peningkatan penjualan kereta dari Januari hingga November pada tahun lalu. Antara sebabnya yang diberikan ialah kekurangan perkhidmatan pengangkutan awam di negara ini.

Sebilangan bas yang dikendalikan beroperasi di Daerah Brunei Muara sahaja dan ia cuma beroperasi dari pukul 6.30 pagi hingga 6.00 petang dan itu pun tidak meliputi seluruh daerah kerana laluan yang terhad. Begitulah juga dengan pekerja-pekerja yang datang bekerja di Brunei, terpaksa membeli kereta dan orang kitani ingin sekali menjual kereta-kereta lama mereka, semakin banyaklah kereta-kereta terpakai yang mungkin kurang sesuai dipandu di jalan raya.

Sebagai pemikiran sahaja, sebagai konteks, jika ada antara kitani yang hadir di dalam Dewan ini menggunakan sistem pengangkutan bas kitani untuk datang ke mari dari rumah dan pulang nanti singgah sekejap ke kedai untuk membeli kiriman orang rumah sebelum balik, boleh dikatakan ramai yang merasa susah, itulah apa yang dirasakan oleh orang ramai kitani, yang mahu menggunakan malah ada yang menjadi *life linenya* untuk mencari rezeki perkhidmatan bas kitani ini.

Soalan-soalan saya iaitu:

1. Apakah usaha berterusan untuk pengangkutan awam yang sering kitani sebut-sebut tetapi belum nampak benar kehasilannya;
2. Apakah pecahan peruntukan yang diberikan untuk Sistem Pengangkutan Awam iaitu sebanyak \$21 juta dan adakah ia mencukupi untuk memperbaiki Perkhidmatan Pengangkutan Awam kitani? Jika tidak, adalah baik kitani lebih serius

mengenai pengangkutan awam ini dengan peruntukan-peruntukan yang lebih sesuai.

Terima kasih Yang Berhormat Pengerusi.

Yang Berhormat Menteri Pengangkutan dan Infokomunikasi:

Terima kasih Yang Berhormat Pengerusi. Dua soalan tadi dan kaola ucapkan terima kasih kepada Ahli Yang Berhormat.

Soalan pertama tadi berhubungan dengan Jabatan Penerbangan Awam yang satu soalan strategik mengenai *ASEAN Single Aviation Market (ASAM)* dan kebetulan juga baru-baru ini pada bulan November lepas, kaola telah menghadiri dan mempengerusikan *ASEAN Transport Ministers Meeting* bagi pihak Negara Brunei Darussalam. Memang *ASEAN Single Aviation Market (ASAM)* ini merupakan satu-satunya isu yang sedang diperbincangkan antara semua Menteri-Menteri *ASEAN* Pengangkutan. Rangka kerja *ASEAN Single Aviation Market (ASAM)* untuk memberi sedikit pencerahan, ia ada 3 perjanjian utama iaitu:

1. *ASEAN Multilateral Agreement on Air Services (MAAS)*, termasuk *protocol six*;
2. *ASEAN Multilateral Agreement on the Full Liberalization of Air Freight (MAFLAFS)*; dan
3. *ASEAN Multilateral Agreement on Full Liberalization of Passenger Air Services (MAFLPAS)*.

أَلْحَمْدُ لِلَّهِ , ketiga-tiga ini, Negara Brunei Darussalam untuk makluman juga telah meretifikasikan *we have ratified* kesemua perjanjian-perjanjian *ASEAN* ini termasuk protokol-protokolnya yang berkenaan. Perkara ini kitani telah pun berusaha bertungkus-lumus untuk pencapaian ketiga-tiga perkara ini.

Bekenaan dengan cabaran yang dihadapi seperti yang ditanyakan/diutarakan tadi oleh Ahli Yang Berhormat, *in light of* penularan wabak *COVID-19* ini, memang semasa mesyuarat yang kaola pengerusikan pada bulan November lepas telah membincangkan langkah-langkah dasar untuk menyokong pelaksanaan inisiatif-inisiatif dan program-program yang berkaitan dengan sektor pengangkutan di bawah *ASEAN Comprehensive Recovery Framework* yang telah diluluskan semasa sidang kemuncak *ASEAN* ke-37 oleh *leaders* kitani.

Antara inisiatif yang dibincangkan adalah memastikan kedayatahan sektor-sektor pengangkutan khususnya pengangkutan udara di rantau *ASEAN* bagi memudahkan rangkaian pergerakan barangan ataupun kargo khususnya keperluan asas.

Pembukaan semula sektor penerbangan awam secara berperingkat dengan mengambil kira perkembangan dan keadaan semasa pandemik *COVID-19* dan mudah cara perjalanan antara negara-negara *ASEAN* melalui inisiatif-inisiatif seperti pengenalan *travel bubble*. Perkara-perkara ini memang sedang dirundingkan dengan pelbagai pihak

ataupun negara-negara yang *interested to have travel bubbles* dengan negara kitani.

Satu juga garis panduan operasi yang kaola ingin sampaikan sebelum terlupa iaitu *ASEAN Wide COVID-19* juga telah disahkan pada mesyuarat pada bulan November itu, yang merupakan satu *guideline* ataupun garis panduan bagi negara-negara *ASEAN* termasuk kitani dalam menangani keselamatan penumpang dan kru serta tatacara pembersihan pembasmian kuman selaras dengan garis panduan yang dikeluarkan oleh *International Civil Aviation Organization* (ICAO). Inilah usaha-usaha yang sedang dijalankan pada masa ini dan *we are guided by*, أَلْحَمْدُ لِلَّهِ juga melalui *ASEAN Regional Guideline* yang telah pun kaola sebutkan tadi.

Mengenai soalan kedua tadi yang berhubung kait dengan *Public Transport System*. Ahli Yang Berhormat tadi telah menyuarakan dua soalan, *sub question*nya apakah usaha berterusan untuk pengangkutan awam yang belum berapa nampak? *Just* memberikan pencerahan sedikit, mengikut Pelan Induk Pengangkutan Darat (*Land Transport Master Plan (LTMP)*) yang pada masa ini memang masih diguna pakai (*current*) pelaksanaan Projek Sistem Pengangkutan Awam ini memerlukan pelaburan yang sangat tinggi sebenarnya apabila direviu semula dan bukannya *at one time two years ago the plan was to have a big project whole bank but* apabila direviu bersama semula dengan beberapa kementerian dan agensi yang

berkenaan juga, *we decided to review and we do progressive approach* dan pada masa ini juga satu pemikiran juga sedang diteliti oleh pihak-pihak berkenaan jika ada sebarang pelaburan ataupun *FDI* mungkin diperlukan.

Namun demikian, walaupun perancangan secara *long term* itu masih lagi diteliti tapi pada masa ini dalam mukadimah contohnya kaola menyentuh mengenai *the mention of public information system for public bus*, yang sebenarnya *incrementally we want to introduce enhance the bus services first*.

Benar kata Ahli Yang Berhormat tadi, *its not seen yet but we have started with, now we want to do incrementally and first things we can do is the law hanging fross* yang nampak yang kitani ada *technology is to us our smart devices with technology and infrastructure* sudah ada ini dengan mengadakan *bus information* sebagai contohnya. Perkara ini sudah hampir kepada *the finalization stage* dan *إِنْ شَاءَ اللَّهُ* jika tidak ada aral melintang, *we hope to target the launch of third quarter of this year, إِنْ شَاءَ اللَّهُ*, mudah-mudahan ada. Penglibatannya yang bagus ialah:

1. *We are using local talent, local company to develop the software itself,*
2. Penglibatan bas-bas operator; dan
3. *The involvement of* pihak-pihak agensi berkenaan seperti *AITI* turut campur mendangani dan juga Jabatan Pengangkutan Darat sebagai agensi

incharge of land transport and public transport.

Menambah sedikit, penambahbaikan ini memang *إِنْ شَاءَ اللَّهُ* juga diharapkan kepada *buses operator* dan pihak *MITC* dan *JPD* dari semasa ke semasa, bukan sahaja mengadakan muzakarah-muzakarah tetapi *we go down and visit the bus operator to talk about* macam mana pemikiran mereka jika sekiranya *operator buses* ini dapat ditambah baik lagi *with the buses* dan macam mana kitani boleh menambah baik dari segi *imajenya* contohnya, *to gain more positif image of the buses*.

Untuk makluman bersama *bus ridership maybe because of pandemic COVID-19* pada tahun lepas, menurun *by half, we have annual ridership of \$2,000,000.00* setahun secara purata, tapi tahun lepas *because of COVID-19* itu juga kali *affecting, i think its only about half of that, which is* sejuta *bus ridership* dan apa yang lebih penting, memang ada orang kitani yang menggunakan bas.

Ganya orang muda kitani yang perlu jua *because don't find it glamorous thing jua but i think to make it cool to ride on the bus as* Yang Berhormat menyatakan tadi itu kitani mungkin ada isu-isu cabaran dan sebagainya tapi *on the other hand there is also new destructive development but destructed innovation we call it in the form of Dart. Dart* ani ia *equivalent like Grab or Uber* dan *Dart* ani *it just happen 2 years ago*.

Dart tidak dalam *LTMP* in 2014/2015 dan ia merupakan satu yang membuat satu

menjana *something positive because it create income to our local* setakat ini kalau tidak silap kaola *just to inform about 200 local* orang kitani yang menjadi *dart drivers* ani dan *there provide a choice to the public, they provide* kepada orang ramai kitani, *in fact* kaola sendiri memakai *dart* jua sekali sekala.

Ganya *a lot of people been using dart* untuk orang mengaga orang kahwin dan sebagainya. *This is the thing coming into place* yang mungkin menjadi jua pilihan kepada pengangkutan awam yang ada *because of investment of technology* dan sebagainya.

Ia memerlukan *software*, ia memerlukan *e-hailing applications, its not actually a taxi service, its considered as e-hailing services* ertinya dalam *mobile* kitani seperti jua kaola tadi itu, *we can do this for public transport for the public buses where you can check the bus schedule at the finger tips, this is* *إِنْ شَاءَ اللهُ* probably *one of the way explementary,* *إِنْ شَاءَ اللهُ*. Terima kasih.

Yang Berhormat Pengerusi: Saya persilakan Yang Berhormat Pengiran Haji Mohamed bin Pengiran Haji Osman @ Othman.

Yang Berhormat Pengiran Haji Mohamed bin Pengiran Haji Osman @ Othman: Terima kasih Yang Berhormat Pengerusi. *أَلْحَمْدُ لِلَّهِ*, lebih dahulu kaola merakamkan ucapan tahniah dan terima kasih kepada Yang Berhormat Menteri Pengangkutan dan

Infokomunikasi atas mukadimah yang disampaikan.

بِسْمِ اللَّهِ الرَّحْمَنِ الرَّحِيمِ السَّلَامُ عَلَيْكُمْ وَرَحْمَةُ اللَّهِ وَبَرَكَاتُهُ

Yang Berhormat Pengerusi:

1. Kaola ingin mengetahui iaitu mengikut Akta Pos Penggal 52 memperuntukkan menyatakan mana-mana orang perseorangan atau syarikat yang menerima membawa dan mengantar surat (barangan) dari 3 *items* hendaklah mendapatkan lesen. Jadi perbincangan kaola apakah tindakan Kementerian melalui Jabatan Pos terhadap *runner* yang ada pada masa ini, adakah *runner* itu dimestikan mendapatkan lesen seperti peruntukan akta tersebut.;
2. Kaola juga ingin mengetahui tentang kawal selia *runner* dan kaola ingin mencadangkan perlunya ada kawalan harga supaya jangan harga yang ditentukan sembarangan termasuk harga berasaskan beratnya, besar paket, termasuk *standard* perkhidmatan tempoh masa yang diambil untuk diserahkan dan lain-lain. Ketetapan ini adalah supaya orang ramai dapat mengetahui.
3. Mengenai projek pemasangan tiang bas, iaitu bas *pole* untuk dipasang di seluruh negara. Adakah projek ini berjalan dengan teratur dan selesai sepenuhnya bagi pemasangan tiang-tiang bas ini, jika tidak kenapa projek ini tidak siap sepenuhnya?; dan

4. Mengenai *LTMP* iaitu *Land Transport Master Plan* menyediakan *master plan* ini mestinya berbelanja berjuta ringgit yang disediakan oleh konsultan yang dilantik. Pertanyaan kaola, adakah pihak Jabatan Pengangkutan Darat menggunakan sepenuhnya bagi hala tuju pengangkutan pada masa ini dan pada masa akan datang?

Sekian, Yang Berhormat Pengerusi.
Terima kasih. السَّلَامُ عَلَيْكُمْ وَرَحْمَةُ اللَّهِ وَبَرَكَاتُهُ

Yang Berhormat Menteri Pengangkutan dan Infokomunikasi:

Terima kasih Yang Berhormat Pengerusi dan Yang Berhormat di atas 2 cabangan dan soalan tetapi kedua-duanya berkaitan.

Jadinya soalan pertama tadi mengenai Akta Pos yang berhubung kait dengan *runner*. Kaola minta masa memohon masa untuk mendapatkan maklumat dahulu. Tapi إِنْ شَاءَ اللَّهُ akan menjawab soalan kedua tadi itu, yang berhubung kait dengan *LTMP*. *LTMP* ini adalah *Land Transport Master Plan* kaola sudah pun kongsi secara panjang lebar jua tadi sebelum ini ada hubungkait dengan soalan sebelum ini.

Namun kaola mengambil maklum jua cadangan itu Yang Berhormat tadi. Tapi mengenai *pole bus stop*. Barangkali baik jua kaola kongsi mengenai projek pemasangan *bus stop* sebab 2 tahun lepas ada jua kaola mengongsi di Dewan yang mulia ini mengenai status *updatenya*.

Memang ada isu mengenai pelaksanaannya yang memerlukan

coordination apabila pemasangan itu dibuat didapati ada sedang diteliti jua tapi *coordination in terms of the roots* dengan bas-bas *operate* ini dan pada masa ini secara berterusan dan pihak *MITC* dan *JPD* seperti kaola sebut jua tadi itu melalui sesi-sesi muzakarah ini, *we try to look at the best feed modal for roots* ini.

Apabila *roots* nya ditetapkan dan *only the bus stop will be put in place in that sense*, namun dalam hal ini setakat ini untuk mengkongsi lebih 483 tiang perhentian bas, *actually* sudah pun dipasang *as promise before* tapi as kedudukan lokasinya itu kadang-kadang tidak terselaras dan sebagainya dan إِنْ شَاءَ اللَّهُ mungkin perkara ini akan terus dirundingkan lagi dengan pihak-pihak berkenaan, Jabatan Kerja Raya, *among others* dan إِنْ شَاءَ اللَّهُ *hopefully* akan dilaksanakan diteruskan semula pada tahun ini dengan ketetapan dari *bus roots* yang kaola sebutkan tadi.

Bebalik kepada soalan tadi mengenai *runner*. Di Yang Berhormat jua menyatakan *courting* mengikut Akta Pos (52). *Runners* ini pernah kaola membuat kenyataan bukan di Dewan yang mulia ini tetapi kenyataan semasa salah satu *press conference* atau sidang media yang berhubung kait dengan perkembangan *COVID-19* pada tahun lepas dan ada beberapa soalan daripada pihak media sama jua soalnya itu.

Mengenai *runners* ini *regulated or not* adakah ia berlesen atau tidak dan adakah kalau tidak belesen ia didaftarkan atau tidak? Kalau ia didaftarkan, adakah ia dikawal selia? اللَّحْمَدُ لِلَّهِ, pada masa ini mula-

mula sekali di bawah akta itu tiga perkara. Akta Pejabat Pos Penggal 52 Seksyen 6A khususnya yang memperuntukkan mana-mana pihak iaitu selain Jabatan Perkhidmatan Pos untuk mendapatkan lesen bagi penghantaran surat.

Actually, pada masa ini lesen hanya diberikan kepada perkhidmatan penghantaran surat ekspres tempatan dan antarabangsa. *In other words the couriers*, syarikat-syarikat *courier* yang berdaftar di Negara Brunei Darussalam dan setakat ini yang dilesenkan di bawah MTIC sebanyak 12 buah syarikat *couriers* yang kaola maksudkan tadi itu dengan perkhidmatan-perkhidmatan penghantaran surat ekspres masing-masing.

Dalam hal ini, perkhidmatan *runners* ini merupakan satu sektor perkhidmatan pengambilan dan penghantaran barang-barang yang dikira *informal sector*. Mengikut *good practices* kalau kitani membuat *comparative studies* di mana-mana pun di rantau ini *infact in other countries runners* ini memang *is unregulated informal services sector*.

Pada masa ini ia tidak termasuk dalam rangka pelesenan di bawah Akta Pos. Apa yang berlaku *now* di bawah AITI dan MTIC sedang meneliti semula untuk mendaftarkan saja *runners* ini di bawah satu rangka kerja *Light Touch Regulatory* because *runners* ini sebenarnya mempunyai *the effect of ordering of parcels and barangan* melalui *online, e-Commerce* dan sebagainya. *So, in a way it is a services rendered because of the boom, an explosion of e-Commerce*

activities yang kitani masa ini bukan saja *because of COVID-19 even post COVID-19 the new normal* ini *we tend to order a lot of things online* pada masa ini.

Ada statistik yang kaola tidak ingat masa ini tetapi *over the last three years statistics* melalui Jabatan Perkhidmatan Pos merekodkan peningkatan yang signifikan dari tahun ke tahun *in terms of parcels delivery* berbanding dengan *envelopes and small parcels or letters is decreasing*. Ini memang bukannya *a surprising matter but it is the trend, phenomena right now, the e-Commerce explosion*. Dalam hal ini *people need runners to cater for their services and needs*, cuma *on one hand it needs to be registered. We need to know who are the runners*. Setakat ini menurut rekod kaola, ada 29 buah syarikat *runners* yang kitani tahu berdaftar.

So, this is something yang berdaftar *that is providing* rentas sempadan *services or close border services* yang berdaftar di bawah Jabatan Kastam dan Eksais Diraja. MTIC memang bekerjasama dengan agensi-agensi seperti yang berkenaan dan ia mengikut garis panduan juga dikeluarkan oleh Jabatan Perdana Menteri kalau kaola tidak silap. *We have guidelines for the runners. But* yang penting *now is how to actually maintain a kind of a structured informal services sectors* because the *runners* ini *they're considered as informal services operators but they also need to be registered and we have to know* jua perkembangannya. Inilah yang kaola dapat sampaikan. Terima kasih.

Yang Berhormat Pengerusi: Terima kasih Yang Berhormat. Saya persilakan Yang Berhormat Awang Naim bin Haji Kamis.

Yang Berhormat Awang Naim bin Haji Kamis: Terima kasih Yang Berhormat Pengerusi.

السَّلَامُ عَلَيْكُمْ وَرَحْمَةُ اللَّهِ وَبَرَكَاتُهُ dan salam sejahtera. Kaola merujuk di bawah Tajuk SN05A – Jabatan Pengangkutan Darat.

اللَّهُمَّ، melalui Majlis Kebangsaan Keselamatan Jalan Raya dan usaha-usaha agensi serta sektor swasta yang berkaitan telah mampu menurunkan statistik kemalangan jalan raya pada tahun-tahun sebelumnya. Tahniah dan syabas kaola ucapkan dan semoga penurunan ini akan berterusan.

Dalam hal ini, kaola ingin menyentuh mengenai tabiat pemandu yang tidak dapat dikawal lagi dalam menggunakan telefon bimbit semasa memandu. Tabiat ini semakin berleluasa pada masa ini. Kaola dan rakan-rakan sendiri melihat kejadian yang kaola rasa semacam kurangnya tindakan pemantauan dan tangkapan yang menjadikan pemandu tidak takut melakukannya.

Kaola masih ingat dahulu diadakan penguatkuasaan bergerak yang dilaksanakan oleh Jabatan Pengangkutan Darat dan mana-mana kesalahan termasuk menggunakan telefon bimbit semasa memandu disebar di media masa dengan tujuan untuk mengingatkan pemandu yang lain untuk sentiasa mematuhi undang-undang dan

peraturan jalan raya. Tindakan itu dapat dibuat memandangkan penggunaan telefon bimbit semasa memandu meningkat risiko terlibatnya dalam kemalangan.

Soalan kaola, adakah tindakan seperti ini masih berterusan? Jika sekiranya masih diteruskan, berapakah jumlah tangkapan yang dibuat sehingga kini? Terutama sekali mereka yang memandu dengan menggunakan ataupun memakai telefon bimbit, untuk orang ramai tahu sebagai peringatan. Jika dikurangkan tindakan ini kaola ingin bertanya kenapa dan adakah pendekatan lain yang dibuat yang lebih berkesan? Sekian Yang Berhormat Pengerusi dan terima kasih.

Yang Berhormat Menteri Pengangkutan dan Infokomunikasi:

Terima kasih Yang Berhormat Pengerusi dan Yang Berhormat tadi atas soalan mengenai JPD. Adakah tindakan berterusan menangkap orang bertelefon bimbit semasa memandu dan sebagainya.

Dari segi statistiknya, minta maaf kaola belum dapat memberikan jawapannya tapi secara umumnya saja untuk makluman bersama memang اللَّهُمَّ، seperti yang kaola sebutkan dalam mukadimah tadi, penurunan kemalangan jalan raya ini bukan saja kemalangan *in general* menurun *by more than 50%* tetapi penurunan *fatality* yang kitani harus bersyukur jua dan إِنَّ شَاءَ اللَّهُ dengan usaha gigih dan doa serta tawakal mudah-mudahan *trend* penurunan ini semakin menurun.

Apa yang berlaku memang ada dijalankan operasi-operasi ini. *I know two years ago* JPD mengeluarkan atau mengambil gambar orang yang ber*mobile* ini dan kemudian dibuatkan satu, bukan dokumentari tapi *deterrence programme. It's a 5 to 7 minutes programme*. Tapi pada waktu yang sama ada 2 *angle* boleh kitani lihat. Jangan saja orang ini ditakut-takuti *deterrence* tapi *it has to come from within* apa-apa ini. *It has to come from your social responsibility* dan sama juga dengan kitani di sini.

اللَّهُمَّ، pihak kerajaan telah pun bertungkus-lumus untuk menurunkan kadar kemalangan ini dan اللَّهُمَّ، dengan kerjasama *whole of nation we have a lot of support from the NGO's, the Brunei Automobile Traders Association (BATA) and even the banking sector to do corporate social responsibility (CSR)* untuk memberigakan *awareness of it*.

It has to come within dan apa yang didapati 2 tahun yang lepas itu memang ada kesannya juga *but* apa yang lebih berkesan adalah melalui *education* supaya orang itu benar-benar menghayati apa yang sepatutnya durang lakukan. *You have to value your own life rather than the police to remind you and* minta maaf, apabila sudah disaman banyak isu yang mengomplen mengapa ia disaman. *But it doesn't have to come that way*. Kitani menjadi insan yang bertanggungjawab.

Itu saja yang berlaku, memang apa-apa *enforcement will have to come in. We have to ease impact* yang kita perlu kita

tekanan, iaitu: *Education - it has to come from at the young age*. Sebab itulah اللَّهُمَّ، melalui Kementerian Pendidikan atas kerjasama kementerian tersebut *is as a member of MKKJR and اللَّهُمَّ، we have seen here also in the syllabus* dari segi kokurikulum dimasukkan dan diserapkan *road safety*.

To be responsible, dua sekolah memandu education now bukan sahaja mengajar memandu kereta tapi untuk anak-anak kitani yang baru berusia 18 tahun mengambil *lesen is to know how dangerous it is*, kalua kitani beberapa saat sahaja lari mata daripada memandang jalan raya. *So, it's a matter of education and of course إِنَّ شَاءَ اللَّهُ ، enforcement* atulah. *Enforcement* ini secara umumnya ada beberapa *compound* dan kaola disini ada di *informkan* pada tahun lepas sahaja 2020, yang merangkumi 1,718 *compound*. *I think a lot of work has been done*, hanya *deterrence* itu melalui *education* yang paling utama.

Sekian, terima kasih.

Yang Berhormat Pengerusi: Saya persilakan Yang Berhormat Awang Haji Ramli bin Haji Lahit.

Yang Berhormat Awang Haji Ramli bin Haji Lahit: بِسْمِ اللَّهِ الرَّحْمَنِ الرَّحِيمِ.

Yang Berhormat Pengerusi dan ahli-ahli yang terhormat. Kaola menyentuh Tajuk Jabatan Pengangkutan dan Infokomunikasi iaitu mengenai dengan pengurusan korporat. Akibat pandemik *COVID-19* bermula pada awal tahun

2020, Brunei memberi kesan kepada aktiviti harian antaranya memberikan cuti tanpa gaji kepada pekerja, pengusaha-pengusaha atau syarikat pula hilang pendapatan lalu pihak kerajaan memberi kemudahan bantuan kewangan atau menurunkan dan meniadakan sewa bangunan.

Soalan kaola: "Apakah perancangan atau bantuan yang dapat diberikan terhadap kakitangan yang hingga sekarang masih dipercutikan tanpa gaji sedangkan negara sekarang sudah melaksanakan langkah-langkah penjarakan tahap ke lima. Kebiasaan baharu, Negara Brunei Darussalam yang diumumkan pada 06 Mac 2021.

Yang Berhormat Pengerusi dan Ahli-Ahli Yang Berhormat, seterusnya adalah Tajuk Jabatan Pengangkutan Darat iaitu mengenai Pengurusan Strategi Dasar Pentadbiran Dan Pengurusan Aset. Kaola berminat, bercakap mengenai dengan inisiatif yang berteraskan piawaian keselamatan sentiasa terpelihara dalam sektor pengangkutan melaksanakan usaha berterusan untuk menurunkan kadar kemalangan di jalan raya.

Teras ini merupakan suatu yang mesti dilaksanakan berdasarkan statistik kemalangan sebanyak 656 sepanjang tahun 2019 dan mencatatkan 12 kematian tetapi usaha ini tidak dapat ditangani sendiri oleh jabatan ini maka tentunya kerjasama kesiapsiagaan semua agensi lain. Soalan kaola, khusus secara jenis masalah:

1. Mengenai kejadian kenderaan yang mengalami kerosakan di tepi lebuhraya yang sempit. Kejadian kemalangan pernah berlaku beberapa kali mengakibatkan kematian ketika kerja mengganti tayar sedang dilakukan dirempuh oleh kenderaan lain menyebabkan kemalangan dan kematian. Dalam perkara ini, disarankan jabatan ini menegaskan tindakan cepat dari pihak bantuan khususnya dari pihak insurans.;
2. Masalah khusus iaitu terhadap kawasan yang sering terjadi kemalangan kenderaan di jalan dan lebuhraya yang sama berulang-ulang.;
3. Apakah perancangan ataupun prosedur penyelesaian di jalan pusing keliling yang pendek yang menyebabkan kenderaan masih berhenti di garisan kuning. Dalam hal ini, adalah disarankan iaitu kekerapan pemberitaan sivik yang perlu dilaksanakan oleh jabatan ini menerusi taklimat, media massa, seperti menggunakan animasi Tv seperti mana yang ditunjukkan pada masa sekarang iaitu panduan keselamatan berenang dan panduan pada musim hujan;
4. Mengenai kenderaan berat luar negara khususnya *trailer* yang sudah berat mengangkat lagi tiga buah kenderaan berat di atas *trailer* berkenaan, adakah juga dikenakan bayaran setiap buah yang diangkut jika boleh disarankan supaya pengangkutan seperti ini adalah tidak

dibenarkan demi menjaga keselamatan pengguna dan kesempurnaan jalan ataupun lebuh raya negara ini dari rosak; dan

5. Mengenai pemberhentian panik kereta atau menepi di jalan-jalan yang sempit dan sesak ketika mendengar bunyi siren Polis, Bomba dan Ambulans menyebabkan berlaku kemalangan apabila terdapat pemandu berhenti serta merta dan menepi tidak tentu arah.

Jadi, kesimpulannya semua permasalahan-permasalahan di atas memerlukan panduan pemberigaan yang berterusan bukan sekadar lulus ujian memandu dari pihak sekolah memandu.

Sekian,

وبالله التوفيق والهداية. وَ السَّلَامُ عَلَيْكُمْ وَرَحْمَةُ اللَّهِ وَبَرَكَاتُهُ

Yang Berhormat Menteri Pengangkutan dan Infokomunikasi:

Terima kasih, Yang Berhormat Pengerusi dan terima kasih kaola ucapkan kepada Yang Berhormat. Ada lima soalan tadi yang kaola catat hanya soalan pertama tadi, mohon maaf kaola kurang faham mengenai soalnya orang-orang yang tidak bergaji sebenarnya sektor apa kali itu. Mohon maaf, *i didnt catch the question* tadi.

Yang terhormat Awang Haji Ramli bin Haji Lahit: Untuk penjelasan, iaitu ada di *Syarikat RBA* yang sekarang ini masih lagi dalam percutian tidak bergaji.

Yang Berhormat Menteri Pengangkutan dan Infokomunikasi:

Terima kasih atas penjelasan tadi, Yang Berhormat. Sehubungan dengan soalan yang berhubung kait dengan *Syarikat RBA* itu, kaola mohon izin barangkali rakan yang berkenaan boleh kali memberi penjelasan Yang Berhormat Pengerusi.

Kaola terus sahaja menjawab kepada soalan-soalan lain yang empat perkara tadi dan soalan banyak merumus kepada Jabatan Pengangkutan Darat dan soalan yang kedua tadi itu mengenai kerosakan lebuh raya. Kalau dapat kaola boleh cantumkan iaitu *emergency stopping, i can cover two question in one time* dan jua dua perkara ini.

Mula-mula sekali, sehubungan dengan *emergency stopping, illegal parking* dan sebagainya di sebarang jalan iaitu di *road shoulder* memang perkara ini banyak berlaku. Apa yang kaola telah pun sebutkan tadi kaola tidak akan panjang lebar lagi sebab kaola sudah pun menjawab tadi yang berhubung kait dengan *education* ini.

To start from within di mana *education* dari peringkat awal dari sekolah sebelum masuk sekolah memandu dan selepas sekolah memandu dan *اللَّحْمَدُ لِلَّهِ* baru-baru ani menjawab kaola sahaja ringkas dalam mukadimah tadi kaola sebutkan biskoala melancarkan *to e-book is looking after your car and knowing your car*.

E-book ani adalah untuk orang ramai sebab dengan apa nya orang berikutan beberapa kejadian-kejadian contohnya orang kitani sebagai contoh ada yang tidak tahu langsung menjaga kereta ataupun faham akan keretanya ani contohnya tayarnya 'singgan' mana and *so on* beberapa kali ia perlu diservis di bengkel dan sebagainya dan memang berlaku perkara ini dan apa yang biskaola dapati juga *we have actually done a servey and a study* berikutan beberapa kes contohnya kenderaan-kenderaan terbakar, kenderaan-kenderaan yang *unnecessarily* nya orang mendapat *incident* sebab ia tidak dijaga, dikawal (*not well maintain*) dan sebagainya.

Apa yang berlaku, melalui *intensive education* ini supaya orang perlu peka kadang-kadang ada orang *unnecessarily in the survey just answer, they don't know whether it's time for services or so on*. Perkara ini, sepertinya kaola dapat jua sedikit sebanyak ditangani *at the driving school level*.

اللَّحْمَدُ لِلَّهِ kaola difahamkan *driving schools* pada masa ini bukan sahaja mengajar syarat-syarat jalan raya, *now they've gone value adding in terms of giving education on how to look after your car*, menukar tayar macam mana, apabila berhenti macam mana, *a simple lighting* yang penting di jalan raya pada waktu gelap, bukan sahaja waktu gelap *you have to make your car visible*.

Itu perkara yang penting selalu orang pun kadang-kadang terlupa dan sebagainya. *On going education* dan kaola mengambil baik pandangan dan

cadangan itu *but what is more important* JPD akan bekerjasama dengan agensi-agensi yang berhubung kait di bawah MKKJR, *so there's a team to do this*.

Sehubungan dengan pusing keliling ini, sama juga isu ini di bawah penelitian MKKJR bersama dengan jabatan dan agensi yang berkenaan. Ia memerlukan penelitian dan jika ada keperluan lampu-lampu isyarat itu dipanjangkan atau dipendekkan dan sebagainya, *this is within the jurisdiction of MKKJR* dan pada masa ini beberapa peninjauan dijalankan secara berterusan melihati beberapa pusingan *roundabouts* di negara ini terutama yang menjadi *hotspots* kereta mendapat kemalangan dan sebagainya. Sama juga isu yang berhubung kait dengan soalan yang terakhir, mengenai kenderaan berat.

Dalam hal ini, kenderaan berat ini isu yang اللّٰحْمَدُ لِلّٰهِ semakin dapat ditangani jika kita melihat mengenai kenderaan berat *we always look at statistics* dan dalam 2 tahun kebelakangan ini اللّٰحْمَدُ لِلّٰهِ statistik yang melibatkan kemalangan *commercial heavy vehicle* menurun.

إِنْ شَاءَ اللّٰهُ, kaola *once* ada statistiknya kaola akan mengongsikannya nanti kepada Yang Berhormat. Apa yang utama sini adalah melihat keberkesanan sama ada kenderaan berat ini, jika *overload*, *2 things will happen*:

1. Merosakkan jalan raya, *no doubt*; dan
2. Membahayakan semua pengguna jalan raya sebab jika terlebih muatan

dan sebagainya ini adalah dalam bidang kuasa Jabatan Pengangkutan Darat.

اللَّحْمَدُ لِلَّهِ dari masa ke masa kita memang ada operasi-operasi dijalankan. *In fact* beberapa hari yang lepas ada beberapa operasi dibuat dan apa yang berlaku sekarang *offenders* yang seperti yang disebutkan tadi, *now we actually* dimediakan syarikat-syarikat tersebut seperti *deterrence is utmost* supaya mereka ini memberikan jera dan sebagainya.

Kenderaan berat *priority* utama di bawah MKKJR dan اللّٰحْمَدُ لِلّٰهِ *we're working multi agencies to address the issue of a heavy vehicles especially overloaded trucks* dan sebagainya, terima kasih.

Yang Berhormat Pengerusi: Yang Berhormat Menteri di Jabatan Perdana Menteri dan Menteri Kewangan dan Ekonomi II.

Yang Berhormat Menteri Kewangan dan Ekonomi II: Terima kasih Yang Berhormat Pengerusi kerana memberi peluang untuk kaola menjawab satu soalan daripada Yang Berhormat Awang Haji Ramli bin Haji Lahit mengenai kakitangan *RBA* yang hingga sekarang masih dicutikan tanpa gaji.

Menjawab secara ringkas, kaola sukacita mengesahkan bahawa tidak ada kakitangan *RBA* yang dicutikan tanpa gaji. Itu sahaja jawapan kaola, terima kasih.

Yang Berhormat Pengerusi: Saya persilakan Yang Berhormat Awang Haji Abdul Wahab bin Apong.

Yang Berhormat Awang Haji Abdul Wahab bin Apong: Terima kasih Yang Berhormat Pengerusi.

السَّلَامُ عَلَيْكُمْ وَرَحْمَةُ اللَّهِ وَبَرَكَاتُهُ kaola menyentuh di bawah Tajuk SN01A – Jabatan Kementerian Pengangkutan dan Infokomunikasi.

Kaola tertarik dengan penerangan Yang Berhormat Menteri Pengangkutan dan Infokomunikasi pada 8 Mac 2021 yang lalu dan mukadimah sebentar tadi. Projek Rintis Kereta Elektrik yang akan dilancarkan pada 25 Mac ini. Hasil dapatan kaola harga pasaran kereta elektrik ini masih mahal iaitu 3 ke 4 kali ganda harga kereta biasa. Apa yang kaola fahami juga sesetengah negara berjaya menjual kereta elektrik kepada orang ramai dengan jumlah unit yang banyak dan menepati sasaran sebuah negara itu. Ini kaola percaya memang ada yang diperkenalkan seperti inisiatif dan dasar memudah cara dari pihak kerajaan dan agensi berkaitan serta kemudahan lain seperti stesen atau mengecas kereta.

Soalan kaola:

1. Dengan sasaran yang telah ditetapkan, adakah perancangan *MTIC* dan kementerian-kementerian yang berkaitan dalam memikirkan inisiatif dan dukungan yang diperlukan bagi memudahkan orang ramai membeli dan memiliki kereta

elektrik berkenaan mengambil kira harganya yang tinggi pada masa ini.; dan

2. Beberapa tahun sebelum ini, kaola tertarik perancangan bagi memperbaiki perkhidmatan teksi dan bas awam yang menekankan betapa pentingnya rangkaian laluan dan perkhidmatan yang konsisten dan berkesan serta harga tiket yang berpatutan.

اللَّحْمَدُ لِلَّهِ seperti apa yang kita lihat pada masa ini kita bersyukur perkhidmatan teksi yang menggunakan perakaun *ICT* yang dipanggil '*Dart*' telah mendapat sambutan yang sangat baik di dalam kalangan orang ramai disebabkan kadar caj yang berpatutan dan mampu menjana peluang pekerjaan dan pendapatan kepada anak tempatan termasuk lepasan graduan. Kaola mengucapkan tahniah kepada *MTIC* dan pegawai-pegawai yang terlibat sebelum ini yang mempunyai visi tepat dan sentiasa mejaga kesejahteraan rakyat.

Walau bagaimanapun, apa yang kaola masih tertanya-tanya adalah mengenai pelaksanaan perancangan sesi pengangkutan bas awam negara. Kaola memang tertarik dengan perancangan yang sebelum ini dengan keutamaan yang telah digariskan dan kaola percaya ia akan dapat membantu golongan yang tidak mempunyai kenderaan.

Golongan yang terpaksa membeli kenderaan disebabkan oleh perkhidmatan bas awam yang tidak konsisten dan efisien dan golongan yang

akan menggunakannya sebagai satu pilihan jika perkhidmatan ini berjalan dan berkesan. Sekian semoga ada pencerahan dari *MTIC* mengenainya.

Sekian,

وبالله التوفيق والهداية. وَ السَّلَامُ عَلَيْكُمْ وَرَحْمَةُ اللَّهِ وَبَرَكَاتُهُ

Yang Berhormat Pengerusi: Sebelum Yang Berhormat Menteri berkenaan menjawab, saya minta supaya Yang Berhormat mencatatkan soalan yang berkenaan dan saya akan menjemput 3 orang lagi Ahli Yang Berhormat lain untuk menyuarakan soalan-soalan mereka dan esok pagi *إِنْ شَاءَ اللَّهُ*, kita akan mendengar jawapan-jawapan.

Saya persilakan sekarang secara cepat Yang Berhormat Awang Hanapi bin Mohd. Siput.

Yang Berhormat Awang Hanapi bin Mohd. Siput: Terima kasih Yang Berhormat Pengerusi.

بِسْمِ اللَّهِ الرَّحْمَنِ الرَّحِيمِ السَّلَامُ عَلَيْكُمْ وَرَحْمَةُ اللَّهِ وَبَرَكَاتُهُ dan salam sejahtera.

Kaola sukacita membawa di bawah Tajuk SN01A – Jabatan Kementerian Pengangkutan dan Infokomunikasi

1. Kaola ingin mengucapkan ribuan terima kasih atas keprihatinan Kerajaan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam melalui Kementerian Pengangkutan dan Infokomunikasi atas keprihatinan memberi kemudahan kepada penduduk luar

bandar untuk sama-sama menikmati teknologi khususnya dalam komunikasi.;

2. Seterusnya kaola membawa di bawah Tajuk SN05A-Jabatan Pengangkutan Darat. Yang Berhormat Pengerusi, pada masa ini kereta 6 tahun ke atas dikenakan caj *loading* sekitar 10% oleh ejen-ejen insurans. *Help Loading fees* dalam insuransi polisi kenderaan adalah suatu *fee* yang membantu ejen-ejen insurans menghadapi risiko bayaran-bayaran *claim* insurans berlebihan bagi kereta yang menghadapi kemalangan. Contoh:
 - i. Ada pembeli kereta *claim* insurans berulang-ulang disebabkan selalu kemalangan.;
 - ii. Kereta-kereta lama dikategorikan mempunyai *spare part* yang mahal.;
 - iii. Pemandu-pemandu yang mempunyai tahap kesihatan yang dikategorikan mudah menjemput kemalangan.

Dari senario di atas tidak munasabah jika *loading fees* ini dikenakan kepada semua pembeli kenderaan yang melebihi 6 tahun kerana mungkin banyak antara pemilik itu tidak pernah *claim* insuran. Walau sudah berpuluh-puluh tahun membayar *premium* insurans dan caj ini tidak sesuai di Brunei sebab di Brunei tidak ada polisi seperti di Singapura kereta melebihi 6 tahun boleh diekspor keluar negeri.

Kalau boleh dicadangkan supaya *loading fees* itu ditiadakan kerana agak membebankan kepada pemilik kenderaan yang tidak mempunyai pendapatan tetap atau tidak bekerja. Mohon pencerahan mengenainya.

Sekian disampaikan dan terima kasih Yang Berhormat Pengerusi.

Sekian, **وَالسَّلَامُ عَلَيْكُمْ وَرَحْمَةُ اللَّهِ وَبَرَكَاتُهُ**.

Yang Berhormat Pengerusi: Saya persilakan soalan daripada Yang Berhormat Awang Haji Emran bin Haji Sabtu.

Yang Berhormat Awang Haji Emran bin Haji Sabtu: Terima kasih Yang Berhormat Pengerusi.

السَّلَامُ عَلَيْكُمْ وَرَحْمَةُ اللَّهِ وَبَرَكَاتُهُ. Kaola terus saja menyentuh di bawah Tajuk SN05A – Jabatan Pengangkutan Darat. Ada 3 isu yang ditimbulkan:

1. Pemberian lesen automatik, dicadangkan diwujudkan pemberian pengeluaran lesen memandu bagi pemandu kereta automatik dan jika ada dicadangkan disamakan kadar bayaran dengan lesen bermotor yang lain mengikut *cc*.;
2. Lesen memandu luar negara. Kaola ingin mengetahui sejauh mana kebenarannya warga asing memandu kenderaan yang menggunakan lesen memandu luar negara mereka dan adakah kawalan dibuat mengenainya kerana sering kita melihat pemandu-pemandu asing terlibat dalam kemalangan di jalan raya.;

3. SIKAP (*demerit point system*). SIKAP salah satu usaha kerajaan langkah-langkah pembaikan diperkenalkan adalah untuk memastikan pemandu kenderaan lebih berdisiplin. Kaola ingin mengetahui keberkesanan SIKAP sejak ia diperkenalkan dan adakah statistik kesalahan pemandu-pemandu yang dikenakan mata demerit serta mereka yang dikenakan hukuman serta inisiatif-inisiatif jabatan kepada mereka yang bersih, berdisiplin selain daripada pemetongan mata demerit. Sekian Yang Berhormat Pengerusi, terima kasih.

Yang Berhormat Pengerusi: Soalan-soalan daripada Yang Berhormat Dayang Khairunnisa binti Awang Haji Ash'ari.

Yang Berhormat Dayang Khairunnisa binti Awang Haji Ash'ari: Kaola merujuk kepada di bawah Tajuk SN05A - Jabatan Pengangkutan Darat:

1. Kaola merujuk kepada soalan pada tahun 2013 dan 2017 mengenai pengecualian bayaran cukai jalan bagi van jenazah sekiranya ia dapat dipertimbangkan.;
2. Kaola merujuk di bawah Tajuk SN01A - Jabatan Kementerian Pengangkutan dan Infokomunikasi. Kaola ingin bertanya tentang keselarasan *Digital Economy Masterplan* di sektor kerajaan dan pendidikan sebagai contoh ingin mengongsikan kepada pihak kementerian apabila berhubung

dengan sebuah jabatan kerajaan pada minggu lepas melalui e-mel. Pihak kaola telah diminta untuk menghantar faks sebelum permohonan dipertimbangkan. Selain itu, apakah inisiatif yang diselenggarakan antara pihak kementerian dengan Kementerian Pendidikan dalam membantu generasi muda bergerak ke hadapan menghadapi *4th Industrial Revolution*. Terima kasih Yang Berhormat Pengerusi.

Yang Berhormat Pengerusi: Terima kasih, saya percaya **إِنْ شَاءَ اللَّهُ** soalan-soalan yang berkenaan akan dijawab setepatnya pada esok hari oleh Yang Berhormat Menteri Pengangkutan dan Infokomunikasi. Saya kira cukuplah bagi kita dalam kita bersidang dalam Jawatankuasa sepenuhnya ini dan kita sekarang beralih untuk bersidang semula dalam Persidangan Majlis Mesyuarat Negara.

(Mesyuarat Jawatankuasa ditangguhkan)

(Majlis Mesyuarat bersidang semula)

Yang Berhormat Yang Di-Pertua: Ahli-Ahli Yang Berhormat, saya tangguhkan Persidangan Majlis Mesyuarat Negara ini dan kita akan bersidang semula **إِنْ شَاءَ اللَّهُ** pada esok hari iaitu hari Rabu, 24 Mac 2021 sebagaimana lazim mulai dari pukul 9.30 pagi. Sekian.

(Majlis Mesyuarat ditangguhkan)

